

REORGANISASI KUASA: TRANSFORMASI DALAM SISTEM PENTADBIRAN SELANGOR, 1895-1942

Ahmad Farhan Abdullah Zakaria*

Abstrak

Kajian ini bertujuan mengupas transformasi pentadbiran Selangor era Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB) khususnya hubungan kuasa antara Sultan Selangor, Residen British dengan struktur kolonial antara 1895 hingga 1942. Objektif kajian ialah menganalisis transformasi sentralisasi ke desentralisasi, lapisan pendekatan kerajaan Selangor, dan perkembangan mesyuarat di peringkat persekutuan dan negeri dan institusi pegawai tadbir daerah dan penghulu sepanjang tempoh dikemukakan. Metodologi kajian menggunakan kaedah penyelidikan kuantitatif dan kualitatif dengan menggunakan kesahan konstruk ke atas teori sistem sosial oleh Talcott Parsons menerusi penggunaan sumber primer dan sekunder diperoleh daripada institusi arkib dan perpustakaan dalam dan luar Malaysia. Dapatan kajian menunjukkan bahawa transformasi pentadbiran Selangor dipengaruhi keperluan kolonial untuk mencapai kestabilan ekonomi dan politik, di samping memenuhi tuntutan raja-raja Melayu terhadap autonomi negeri. Dalam konteks teori, penyesuaian (*adaptation*) dalam struktur sosial berlaku melalui perubahan dalam institusi permesyuaratan, pegawai tadbir daerah dan penghulu disesuaikan dengan tuntutan kolonial, sementara integrasi (*integration*) tercapai dengan penggabungan antara sistem sebelum penjajahan British dan kolonial. Begitu juga dengan pencapaian matlamat (*goal attainment*) dicapai melalui pelaksanaan dasar-dasar memastikan keberkesanan pengurusan tanah, kutipan hasil dan pembangunan infrastruktur, menyumbang kepada kestabilan politik dan kemajuan ekonomi Selangor. Penyelenggaraan corak laten (*pattern maintenance*) dapat dilihat dalam usaha mengekalkan nilai sebelum penjajahan British melalui institusi tempatan diperkukuh dengan unsur birokrasi kolonial. Implikasi kajian menunjukkan bahawa pemahaman lebih mendalam mengenai dinamik kuasa antara sebelum penjajahan dengan pentadbiran kolonial, memberikan wacana baharu terhadap keberkesanan kerjasama antara pemimpin tempatan dengan kolonial dalam membangunkan Selangor.

Kata Kunci: Pentadbiran Selangor, Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB), Sentralisasi, Desentralisasi, Institusi Permesyuaratan, Pegawai Tadbir Daerah dan Penghulu

* Dr. Ahmad Farhan bin Abdullah@Zakaria ialah pensyarah kanan di Jabatan Sejarah, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak.

Abstract

This study examines the administrative transformation of Selangor during the Federated Malay States era (1895–1942), with particular focus on the power dynamics between the Sultan of Selangor, British Residents, and the colonial administrative structure. The research aims to analyze the shift from centralization to decentralization, governance approaches, the development of federal and state-level meetings, and the institutional roles of district officers and penghulus. Using a mixed-methods approach and applying Talcott Parsons' social system theory, the study draws on primary and secondary sources from archival and library institutions in Malaysia and abroad. Findings reveal that colonial imperatives for political and economic stability, alongside Malay rulers' demands for state autonomy, shaped Selangor's administrative transformation. Adaptation occurred through the restructuring of institutions and officials to meet colonial needs, integration was achieved by combining pre-colonial and colonial systems, and goal attainment was realized through policies promoting effective land management, revenue collection, and infrastructure development. Pattern maintenance is evident in efforts to preserve pre-colonial values within strengthened local institutions. The study highlights that understanding the interplay between pre-colonial and colonial governance provides valuable insights into the effectiveness of cooperation between local leaders and colonial authorities in shaping Selangor's political stability and economic progress.

Keywords: *Selangor administration, Federated Malay States, centralization, decentralization, district governance, penghulus*

Pendahuluan

Pentadbiran Selangor dari 1895-1942 mencerminkan satu proses transformasi kompleks dipengaruhi oleh keperluan geopolitik, ekonomi dan sosiopolitik kolonial British di Tanah Melayu. Pembentukan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB) pada 1895 berkuat kuasa 1896 — merangkumi Selangor, Perak, Pahang, dan Negeri Sembilan — bukan sahaja bertujuan menstabilkan ekonomi Pahang terjejas akibat krisis kewangan dan politik dalaman, tetapi menyusun semula struktur pentadbiran melalui sentralisasi kuasa di bawah residen jeneral, bertindak sebagai ejen kepada gabenor dan kerajaan British, sekali gus terma penjajahan secara total dapat digunakan pada konteks ini.¹ Teori sistem sosial oleh

1 Perselisihan faham antara Orang Besar Pahang, misalnya, Tok Gajah, Dato' Bahaman dan Mat Kilau dengan British terhadap isu pungutan cukai merupakan punca peperangan yang berlaku pada 1890-1895. Peperangan ini, melibatkan khususnya Negeri-Negeri Melayu Pantai Timur (Pahang, Terengganu dan Kelantan) termasuk kerajaan Rattanakosin (1782-1939), merudumkan ekonomi British di Tanah Melayu. Untuk keterangan lanjut, rujuk Mohd. Isa Othman, *Sejarah Malaysia (1800-1963)*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd, 2002, hlm. 94-102 dan Goh Yoon Fong, *British Administration in Selangor (1896-1906)*, Tesis Ma. Fal, January 1966, hlm. 267-268.

Talcott Parsons menekankan bahawa setiap sistem sosial berfungsi melalui empat keperluan fungsional utama: penyesuaian (*adaptation*), pencapaian matlamat (*goal attainment*), integrasi (*integration*) dan penyelenggaraan corak laten (*pattern maintenance*). Sentralisasi dilaksanakan dari 1895-1920 dilihat sebagai strategi kolonial untuk mencapai penyesuaian terhadap cabaran pentadbiran, ekonomi dan politik, kuasa politik negeri-negeri diselaraskan di bawah satu pusat bagi memastikan keberkesanan pentadbiran.² Pada masa sama, British berusaha mencapai pencapaian matlamat melalui pemusatan jabatan-jabatan utama seperti perhutanan, kesihatan, kereta api dan pendidikan di bawah kendalian persekutuan, mengharapkan peningkatan kecekapan birokrasi dan hasil ekonomi. Namun, sentralisasi ini mencetuskan konflik dalam aspek integrasi khususnya hubungan antara Sultan Selangor dengan Residen British, mengakibatkan penentangan terhadap pengurangan kuasa autonomi negeri. Tempoh desentralisasi dari 1920-1942 pula, memperlihatkan usaha British memulihkan penyelenggaraan corak laten melalui penginstitusian semula struktur pentadbiran lima peringkat — persekutuan, negeri, daerah, mukim dan kampung — bertujuan memperkukuh peranan institusi permesyuaratan, pengawai tadbir daerah dan penghulu dalam memastikan keseimbangan antara elemen sebelum penjajahan dengan birokrasi moden.³ Dalam konteks ini, Selangor menjadi satu sistem sosial terintegrasi secara unik, setiap komponen pentadbiran memainkan peranan penting dalam memastikan kesinambungan kestabilan politik dan pembangunan sosioekonomi menjelang penjajahan Jepun pada Disember 1941, akhirnya secara total pada 11 Januari 1942.⁴ Oleh itu, kajian ini bertujuan mengemukakan pandangan bahawa kerjasama antara pemimpin tempatan dengan British berjaya membangunkan pentadbiran Selangor dari pelbagai aspek sepanjang tempoh dinyatakan. Objektif-objektif kajian dipanjangkan ialah menganalisis transformasi sentralisasi ke desentralisasi, lapisan pendekatan kerajaan Selangor, dan perkembangan mesyuarat di peringkat persekutuan dan negeri dan institusi pegawai tadbir daerah dan penghulu sepanjang tempoh dikemukakan.

Transformasi Pentadbiran Negeri-Negeri Melayu Bersekutu

Transformasi pentadbiran dari sentralisasi ke desentralisasi di Selangor, Perak, Pahang dan Negeri Sembilan mencerminkan strategi kolonial British dalam menyeimbangkan antara kawalan persekutuan (pusat) dengan autonomi negeri-negeri Melayu. Sentralisasi bertujuan mengukuhkan kuasa pentadbiran British melalui penyatuan jabatan-jabatan utama di bawah kawalan persekutuan, berfungsi meningkatkan kecekapan birokrasi dan memastikan aliran ekonomi hasil kolonial tetap stabil. Namun, pendekatan ini mencetuskan ketidakpuasan hati

-
- 2 Sentralisasi bermaksud: perihal menyerahkan atau meletakkan kekuasaan (pemerintahan dan lain-lain) kepada pihak berkuasa pusat, pemusatan (pemerintahan, pentadbiran, dan sebagainya); dan menyentralisasikan menyerahkan atau meletakkan kekuasaan dan lain-lain kepada pihak pusat, memusatkan (pentadbiran dan sebagainya). Untuk keterangan lanjut, rujuk <http://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=sentralisasi> [30 Mei 2019].
 - 3 Desentralisasi bermaksud perihal mem-beri kuasa yang lebih kepada kerajaan negeri (daerah) yang bersekutu oleh kerajaan pusat, pengagihan kuasa pusat. Untuk keterangan lanjut, rujuk <http://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=desentralisasi> [30 Mei 2019].
 - 4 Jepun berjaya mendapatkan keseluruhan Semenanjung Tanah Melayu dan Singapura pada 15 Februari 1942, dan memerintah secara rasmi berkuat kuasa 11 April 1942. Untuk keterangan lanjut, rujuk Colonial Office (CO) 717/147/52035, Malay: Nine Sultans Declare Allegiance to Japan, 12 April 1942.

dalam kalangan raja-raja Melayu merasakan bahawa kuasa berfungsi sebagai simbol kedaulatan negeri semakin terhakis, berhasrat kembali seperti 1874-1895 yang memiliki suara dan kuasa dalam majlis mesyuarat negeri masing-masing.⁵ Peralihan kepada desentralisasi selepas 1920, melalui teori sistem sosial, desentralisasi bertindak sebagai mekanisme penyesuaian terhadap tuntutan raja-raja Melayu berhasrat memulihkan autonomi masing-masing, sekali gus memperkukuh integrasi antara struktur pentadbiran tempatan dengan kolonial. Usaha ini menunjukkan percubaan British mengembalikan keseimbangan dalam pentadbiran, memastikan kestabilan politik dan ekonomi di Tanah Melayu, di samping mengekalkan kawalan kolonial secara tidak langsung, walhal, “secara terang” bersifat penjajahan.

Sentralisasi pentadbiran NNMB dimulakan pada 1895-1909 merupakan satu proses menyimpang daripada prinsip persekutuan yang sepatutnya mengekalkan autonomi negeri-negeri seperti Selangor, Perak, Pahang dan Negeri Sembilan. Sebaliknya, berfungsi sebagai mekanisme pengukuhan kuasa pusat di bawah residen jeneral, dengan G. F. S. Robinson, Marquess of Ripon, Setiausaha Tanah Jajahan, 1892-1895, C. C. Smith, Gabenor Negeri-Negeri Selat (NNS), 1887-1893, dan F. A. Swettenham, Residen British Perak, 1889-1896, sebagai arkitek utama pembentukan ini.⁶ Menurut teori sistem sosial, sentralisasi ini bertujuan memenuhi fungsi pencapaian matlamat melalui pemusatan jabatan utama seperti perhutanan (1905), kesihatan (1905) dan pendidikan (1906) di bawah kendalian pusat.⁷ Walau bagaimanapun, langkah ini mengorbankan integrasi antara kuasa pusat dengan negeri, mencetuskan ketidakpuasan hati dalam kalangan raja-raja Melayu yang melihat kuasa mereka terhakis seperti dizahirkan oleh Sultan Idris Shah, Sultan Perak, 1887-1916, dalam Durbar pada 23 Julai 1903.⁸ Raja-raja Melayu semakin menyedari bahawa sentralisasi ini memperkukuh pengaruh British dan mengurangkan peranan mereka dalam majlis mesyuarat negeri, manakala kuasa autonomi pula, semakin terbenam dalam struktur kolonial lebih bersifat kesatuan berbanding persekutuan. Implikasi ini menonjolkan kegagalan British mengimbangi kuasa pentadbiran dan autonomi tempatan, sekali gus menjadi pendorong kepada peralihan ke arah desentralisasi pada era berikutnya.

Pengukuhan sentralisasi di NNMB antara 1909-1920 melalui pembentukan Majlis Mesyuarat Persekutuan (1909) mencerminkan percubaan British menyelaraskan pentadbiran kolonial dengan lebih efisien, namun secara tidak langsung mengorbankan autonomi politik

-
- 5 Raja-raja Melayu di Selangor, Perak, Pahang dan Negeri Sembilan berharap pentadbiran di negeri masing-masing kembali pada 1874-1895, ditadbir secara total oleh Residen British sebagai “penasihat” dan secara langsung mendapatkan kelulusan daripada Gabenor Negeri-Negeri Selat (NNS), bukan perlu disaring melalui residen jeneral atau ketua setiausaha. Untuk keterangan lanjut, rujuk CO 882/10/4, the High Commissioner to the Secretariat of State, 30 January 1923.
 - 6 F. A. Swettenham, Residen British Perak, 1889-1896, mempunyai hubungan baik dengan raja-raja dan pembesar-pembesar Melayu, dijadikan alasan dilantik sebagai indikator pembentukan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB) pada Julai 1895. Beliau menghadap dan mendapatkan tandatangan Sultan Perak pada 16 Julai 1895; Sultan Selangor pada 20 Julai 1895; Dato’ Kelana Sungai Ujong dan Dato’ Bandar Sungai Ujong pada 22 Julai 1895; Yang di-Pertuan Besar Seri Menanti, Dato’ Johol, Dato’ Rembau dan Tunku Dewa Tampin pada 23 Julai 1895; dan Dato’ Jelebu pada 25 Julai 1895. Untuk keterangan lanjut, rujuk Jabatan Arkib Negara Malaysia (P/ANM) MISC 8/504/1, the Secretary of State for the Colonies to the Governor of the Straits Settlements, 19 May 1893, CO 273/205/15664, F. A. Swettenham, C. M. G., British Resident, Perak, to H. E. the Governor S. S., 28 July 1895 dan Foreign and Commonwealth Office (FCO) 141/16700, Note by W. B. Gibson, 20 August 1927.
 - 7 CO 1073/116, The “S. S. and F. M. S.” Fallacy by Sir George Maxwell, K. B. E., C. M. G., 19 April 1927.
 - 8 CO 717/103/33338, Fourth Day, Thursday, 23rd July, 1903 dan FCO 141/16670, Surat kepada Sultan Sulaiman Shah, 22 Mac 1925.

negeri-negeri seperti Selangor, Perak, Pahang dan Negeri Sembilan. John Anderson, Gabenor NNS dan Pesuruhjaya Tinggi NNMB, 1904-1911, memperkenalkan majlis ini sebagai platform bagi mengurangkan jurang kuasa antara kerajaan pusat dengan negeri, tetapi hasil akhirnya, penumpuan kuasa lebih besar kepada ketua setiausaha, sekali gus mengurangkan peranan majlis mesyuarat negeri dan residen sebagai penasihat Sultan.⁹ Mengikut teori sistem sosial, proses ini memperlihatkan fungsi pencapaian matlamat melalui pengukuhan kawalan pusat bagi memastikan kestabilan pentadbiran dan ekonomi semasa kemelesetan ekonomi British selepas perang dunia pertama (1914-1918). Walaupun bertujuan mengembalikan kuasa kepada pemimpin tempatan seperti dicita-citakan oleh L. N. Guillemard, Gabenor NNS dan Pesuruhjaya Tinggi NNMB, 1920-1927, realitinya, integrasi antara pusat dengan negeri semakin lemah apabila keputusan-keputusan besar dipusatkan di bawah kerajaan persekutuan, contoh utama, Majlis Mesyuarat Persekutuan. Keadaan ekonomi lemah sekitar 1910-an mempercepatkan usaha sentralisasi ini, dengan langkah penghematan pada 1919, bertujuan memperkukuh kedudukan kolonial British di Eropah dan jajahan-jajahnya, menunjukkan bahawa kecekapan pentadbiran dicapai dengan mengorbankan identiti dan autonomi politik negeri-negeri Melayu.¹⁰

Desentralisasi pentadbiran di NNMB pada 1920-1927 merupakan respons langsung terhadap ketidakpuasan hati raja-raja Melayu seperti Sultan Alae'eddin Sulaiman Shah, Sultan Selangor, 1898-1938, Sultan Iskandar Shah, Sultan Perak, 1918-1938, Tuanku Muhammad, Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan, 1888-1933, dan Sultan Abdullah, Sultan Pahang, 1917-1932, bersependapat bahawa sentralisasi sebagai ancaman kepada kedaulatan dan prerogatif mereka.¹¹ Guillemard memperkenalkan polisi desentralisasi secara bertahap mulai 1920 dengan tujuan memulihkan keseimbangan kuasa antara pusat dengan negeri, menurutnya lama dihakis akibat pemusatan pentadbiran di bawah ketua setiausaha.¹² Mengikut teori sistem sosial, desentralisasi ini bertindak sebagai mekanisme penyesuaian terhadap tekanan politik tempatan dan keadaan ekonomi pascaperang dunia pertama, dengan matlamat memperkukuh

-
- 9 Sultan Alae'eddin Sulaiman Shah, Sultan Selangor, 1898-1938, termasuk Sultan Perak, Sultan Pahang dan Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan berkenan membentuk Majlis Mesyuarat Persekutuan pada Disember 1907. Untuk keterangan lanjut, rujuk FCO 141/16694, E. L. Brockman, Acting Resident General to His Excellency the High Commissioner Federated Malay States, 4 December 1907 dan CO 882/10/12, the High Commissioner to the Secretary of State, 21 October 1924.
- 10 Keadaan ekonomi British di negaranya sendiri merudum akibat perang dunia pertama (1914-1918) turut tempas kepada jajahan-jajahan yang terdapat di seluruh dunia dijadikan alasan mengaplikasikan langkah penghematan yang bertujuan memulihkan kembali kewangan entiti politik tersebut. Untuk keterangan lanjut, rujuk *Malaya Tribune*, 27 October 1919 dan *Malaya Tribune*, 8 October 1919. Selain itu, untuk mengetahui keadaan ekonomi di NNMB sebelum dan selepas perang dunia pertama, rujuk Mohd Shazwan Mokhtar, Muhammad Aslah & Mohd Samsudin, Perkembangan Sistem Perdagangan Merkantilisme Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (1909-1913), *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategy Studies* 44(2), December 2017, hlm. 5-18 dan Mohd Shazwan Mokhtar, Di Sebalik Krisis Kewangan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, 1920-1924, *Kajian Malaysia* 37(2), 2019, hlm. 99-113.
- 11 Brigadier Jeneral S. Wilson menyatakan dalam laporannya, "When Sir Laurence Guillemard took up the duties of High Commissioner in February, 1920, he found that some of the Rulers of the Federated Malay States were not satisfied with the position and were apprehensive that federal encroachment might grow worse". Untuk mengetahui punca, pelaksanaan dan langkah-langkah polisi desentralisasi, rujuk War Cabinet and Cabinet (CAB) 24/239, Report of Brigadier-General Sir Samuel Wilson, G. C. M. G., K. C. B., K. B. E., Permanent Under-Secretary of State for the Colonies on His Visit to Malaya 1932.
- 12 FCO 141/16662, Memorandum by H. E. the High Commissioner, Laid on the Table of the Federal Council on the 14th December, 1925, as Federal Council Paper No. 39 of 1925 dan FCO 141/16700, (Extract from the Proceedings of the Federal Council Meeting of 17 December 1925).

integrasi antara struktur pentadbiran kolonial dengan sebelum penjajahan British.¹³ Walaupun usaha Guillemard mendapat tentangan daripada W. G. Maxwell, Ketua Setiausaha NNMB, 1920-1926, menegaskan bahawa ketua setiausaha sepatutnya mengekalkan kawalan penuh, tetapi Guillemard pula, memiliki pandangan berbeza, berpegang kepada peranan pesuruhjaya tinggi sebagai pentadbir utama berdasarkan Perjanjian NNMB 1895 menekankan bahawa pentadbiran yang seimbang diperlukan untuk memastikan kelangsungan stabiliti politik dan sosial.¹⁴ Proses desentralisasi ini akhirnya diinstitusikan secara rasmi pada 1925, memperlihatkan bahawa perubahan struktur pentadbiran kolonial bertujuan bukan sahaja untuk mengekalkan kecekapan birokrasi British, tetapi mengakomodasi tuntutan autonomi politik raja-raja Melayu, sekali gus mencerminkan dinamik kuasa kompleks antara kolonial dengan tempatan.

Penyeragaman Majlis Mesyuarat Persekutuan dan pengembalian semula Durbar antara 1927-1934 mencerminkan tahap pengukuhan desentralisasi di NNMB, bertujuan mengimbangi semula kuasa antara kerajaan pusat dengan negeri. Guillemard, melalui perjanjian berkuat kuasa pada 24 April 1927, menyeragamkan struktur Majlis Mesyuarat Persekutuan dengan menggantikan kehadiran langsung raja-raja Melayu dengan wakil-wakil berprofil tinggi, langkah yang bertujuan meningkatkan kecekapan pentadbiran, di samping mengekalkan simbolik kuasa raja-raja Melayu.¹⁵ Bersandarkan teori sistem sosial, penyeragaman ini memenuhi fungsi integrasi antara sistem kolonial dengan raja-raja Melayu, dengan tujuan mengekalkan kestabilan politik dalam persekitaran yang semakin kompleks. Walaupun perubahan ini menunjukkan kejayaan dalam menyelaraskan pentadbiran kolonial, tetapi kuasa autonomi negeri semakin dikawal melalui mekanisme pentadbiran lebih formal dan bersentralisasi. Pengaplikasian semula Durbar pada 11 Ogos 1927 oleh Hugh Clifford, Gabenor NNS dan Pesuruhjaya Tinggi Negeri-Negeri Melayu (NNM), 1927-1929, menggantikan Guillemard, memperkukuh peranan raja-raja Melayu sebagai penasihat simbolik

-
- 13 Untuk mengetahui keterangan lanjut mengenai propaganda perang dunia pertama dan kesan terhadap perdagangan di Tanah Melayu pada 1914-1918, rujuk Muhammad Aslah Akmal Azmi & Mohd Samsudin, *Propaganda British di Tanah Melayu pada Zaman Perang Dunia Pertama (1914-1916)*, *Jurnal Komunikasi* 34(4), 2018, hlm. 27-35 dan Mohd Shazwan Mokhtar & Mohd Samsudin, 'Trade War': Sekatan Perdagangan Jerman di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, 1914-1918, *Akademika* 87(1), April 2017, hlm. 78-87.
- 14 Perjanjian Negeri-Negeri Melayu Bersekutu 1895 mempunyai lima artikel. Artikel 4 menjelaskan kedudukan pesuruhjaya tinggi dengan residen-jeneral, dalam bahasa Melayu, "Yang ke-empat maka raja2 dan orang besar2 negeri yang tersebut di atas ini mengaku boleh ia menerima suatu pegawai kerajaan Inggeris gelaran residen jenderal yang boleh memegang kuasa daripada kerajaan Inggeris dan menjadi ganti tuan tuan yang terutama gabenor tiga buah negri maka raja2 dan orang besar2 itu mengaku boleh ia mengadakan suatu tempat yang layak bagi kedudukan residen jenderal itu serta membayar seberapa belanja yang patut kepada timbangan kerajaan queen yang maha mulia dan maha besar. Syahadan lagi raja2 dan orang besar2 itu mengaku pula akan boleh ia menurut nasihat residen jenderal itu didalam segala hal ehwal perintah negri lain daripada perkara agama Islam maka kejadian residen jenderal itu tiadalah mengubahkan perjanjian yang diperbuat dahulu di Perak Selangor Pahang dan Negri Sembilan fasal keredaan raja2 negri iu menerima residen2 yang ada pada hari ini didalam negri itu atau yang hendak dilantikan pada kemudian hari. Manakala, dalam bahasa Inggeris pula, "*The above-named Rulers agree to accept a British Officer, to be styled the Resident-General, as the agent and representative of the British Government under the Governor of the Straits Settlements. They undertake to provide him with suitable accommodation, with such salary as is determined by Her Majesty's Government, and follow his advice in all matters of administration other than those touching the Muhammadan Religion. The appointment of the Resident-General will not affect the obligations of the Malay Rulers toward the British Residents now existing or to be hereafter appointed to offices in the above-mentioned Protected States*". Untuk keterangan lanjut, rujuk CO 273/205/15902, Native State Federation Treaty, 26 July 1895 dan FCO 141/16275, Treaty of Federation 1895.
- 15 CO 882/12/8/27, Memorandum Dated 11th April, 1932, Regarding the Decentralization Policy and the Post of the Chief Secretary.

dalam struktur pentadbiran kolonial, manakala penyeragaman majlis mesyuarat negeri pada 1 Januari 1932 pula, menandakan usaha berterusan British menyeragamkan pentadbiran tempatan dengan keperluan politik dan ekonomi kolonial.¹⁶

Penubuhan Pejabat Perjawatan Tanah Melayu pada 1934 merupakan manifestasi jelas daripada teori sistem sosial menekankan kepentingan integrasi dalam struktur sosial dan peranan setiap komponen dalam memastikan kestabilan dan keseimbangan sistem tersebut. Dalam konteks ini, pembentukan Pejabat Perjawatan Tanah Melayu berkuat kuasa 22 Ogos 1934 oleh Clementi, seterusnya T. S. W. Thomas, Gabenor NNS dan Pesuruhjaya Tinggi NNM, 1934-1942, dan mendapatkan perkenan baginda sultan-sultan di NNMB, bertujuan menyelaraskan dan memusatkan pelantikan pegawai kerajaan di seluruh Tanah Melayu, memastikan sistem pentadbiran berjalan dengan lancar melalui pembahagian fungsi yang jelas.¹⁷ Parsons mengemukakan bahawa setiap institusi dalam sistem sosial mempunyai fungsi tertentu menyumbang kepada kesejahteraan dan kelangsungan sistem tersebut. Begitu juga dengan desentralisasi pentadbiran berlaku selepas penubuhan pejabat ini, menyelaraskan pelbagai jabatan perkhidmatan di negeri-negeri Melayu dengan memperkukuhkan peranan setiap negeri dalam sistem yang lebih luas. Jabatan-jabatan di peringkat persekutuan sejak 1895 dikembalikan ke Selangor secara bertahap iaitu pertanian (1935), perparitan dan saluran (1935), pelajaran (1935), elektrik (1935), perhutanan (1935), marin (1935), perkhidmatan perubatan dan kesihatan (1935), galian (1935), museum (1935), pos dan telegraf (1935), penjara (1935), kerja raya (1935), perancangan bandar (1935), veterinar (1935) dan mergastua (1936).¹⁸ Menurut Parsons, perubahan seperti ini adalah respons kepada keperluan mengekalkan keseimbangan dalam struktur sosial bahawa setiap komponen saling bergantung antara satu sama lain, memastikan kestabilan dan fungsi berkesan dalam sistem sosial yang lebih besar. Pembentukan pejabat perjawatan ini, bersama dengan pemulihan semula jabatan negeri, membuktikan bahawa integrasi dalam struktur pentadbiran adalah faktor utama dalam mencipta kestabilan sistem sosial pada masa itu.

Pentadbiran Kerajaan Selangor Persekutuan hingga Kampung

Perkembangan pentadbiran Selangor antara 1895 hingga 1942 menunjukkan struktur bersistematik dengan lima peringkat pentadbiran utama, iaitu persekutuan, negeri, daerah,

-
- 16 Pahang British Resident's Office (C/BRO) PAHANG 57/1927/1, Federated Malay States, Proceedings of Durbar, Held at the Astana Nagara, Kuala Kangsar, on 11 August 1927 at 11 A. M., CO 882/17/Enclosure 1 in No. 7, Report on the Development of the Perak State Council During 1935 as a Result of the Decentralization Policy by G. E. Cator, British Resident, Perak, 31 December 1935, CO 882/17/Enclosure 2 in No. 7, Report on the Development of the Selangor State Council During 1935 as a Result of the Decentralization Policy by T. S. Adams, British Resident, Selangor, 20 December 1935, CO 882/17/Enclosure 3 in No. 7, Report on the Development of the Negri Sembilan State Council During 1935 as a Result of the Decentralization Policy by J. W. W. Hughes, British Resident, Negri Sembilan, 7 February 1936 dan CO 882/17/Enclosure 4 in No. 7, Report on the Development of the Pahang State Council During 1935 as a Result of the Decentralization Policy by C. C. Brown, Acting British Resident, Pahang, 2 February 1936.
- 17 Perlis British Adviser's Office (R/PBB) A. P. CONF. 17/1351, Excerpts from Correspondence Relating to the Proposal for a Malayan Establishment Office, C. Clementi, High Commissioner, 14 March 1932 dan Surat Pensiendirian (SP) 86/15/1, Dato' Abdullah bin Ahmad Johor, Agreement for the Constitution of a Malayan Establishment (1934), 22 August 1934.
- 18 Jabatan Peguam Negara (P/PEG) 4/1, Schedule Two to the Agreement for the Constitution of a Malayan Establishment (Revised to the 1st July, 1935) dan P/PEG 4/4, Schedule Two to the Agreement for the Constitution of a Malayan Establishment (Revised to the 1st July, 1938)

mukim dan kampung, masing-masing memiliki ketua dan fungsi saling bergantung. Sistem ini berperanan dalam memajukan Selangor melalui sentralisasi yang diterapkan era pentadbiran NNMB. Pada peringkat tertinggi, perubahan berlaku dengan penambahan lapisan pentadbiran untuk memperkukuhkan struktur pengurusan, manakala peringkat lebih rendah pula, kekal sama seperti era 1874-1895. Pendekatan pentadbiran berlapis ini menunjukkan usaha berterusan menyelaraskan pengurusan daerah dan membentuk kerangka kerajaan lebih berkesan dalam memenuhi keperluan sosial, ekonomi dan politik semasa, selari dengan teori sistem sosial menekankan interaksi dinamik antara komponen sistem mencapai kestabilan dengan kesejahteraan masyarakat.

Perkembangan pentadbiran di peringkat persekutuan antara 1895 hingga 1942 mencerminkan proses sentralisasi ditentukan oleh penjajah British melalui jawatan residen jeneral, ketua setiausaha dan gabenor dan pesuruhjaya tinggi. Perjanjian NNMB 1895 menetapkan residen jeneral sebagai ejen Gabenor NNS dan Pesuruhjaya Tinggi NNMB dan wakil kerajaan British yang mempunyai kuasa penuh dalam urusan pentadbiran pada 21 Jun 1895 berkuat kuasa 1 Julai 1896, manakala jawatan ketua setiausaha pula, diubah suai pada 1 Februari 1911, memperkukuhkan sentralisasi tersebut.¹⁹ Perubahan signifikan berlaku pada 24 Februari 1936 rentetan jawatan ketua setiausaha dimansuhkan dan digantikan dengan setiausaha persekutuan, bertindak sebagai ejen pesuruhjaya tinggi seperti dimaktubkan dalam Perjanjian NNMB 1895, menyusun semula sistem pentadbiran bagi memastikan pesuruhjaya tinggi mendominasi urusan kerajaan persekutuan.²⁰ Transformasi ini memperlihatkan peralihan kuasa yang jelas dalam sistem pentadbiran, mengukuhkan pihak berkuasa pusat di peringkat persekutuan dan menegaskan pengaruh British dalam mengawal urusan pentadbiran ekonomi, politik dan sosial NNMB, selaras dengan prinsip sentralisasi dalam teori sistem sosial bahawa struktur sosial dan administrasi saling berhubung dan mendukung kestabilan sistem keseluruhan.

Pada peringkat negeri, kuasa pemerintahan pada 1895 hingga 1942 tetap berada di tangan Sultan Selangor, tetapi “wajib” mendapat “nasihat” residen, memainkan peranan dalam lima kaedah merangkumi sebagai pentadbir, pembangun, penjaga kebajikan, anggota permesyuaratan dan wakil negeri dalam menghadiri upacara dan adat istiadat Melayu.²¹ Walaupun British memperkenalkan residen sebagai penasihat yang bertindak dalam kapasiti “pentadbir” berkuat kuasa Perjanjian NNMB 1895, namun kuasa Sultan Selangor kurang terjejas secara mutlak, atas alasan bertanggungjawab memperkenankan keputusan dalam Majlis Mesyuarat Negeri Selangor sejak 1877 untuk dipanjangkan ke peringkat persekutuan. Sultan Selangor, seperti dinyatakan Hugh Fraser, Setiausaha Persekutuan NNMB, 1939-1942,

-
- 19 FCO 141/16767, Note on the Proposed Abolition of the Post of Chief Secretary to Government, Federated Malay States, by C. Clementi, Governor of the Straits Settlements and High Commissioner for the Malay States, 4th December, 1932 dan Federal Secretariat (P/SP) 2, Federated Malay States. Annual Report for 1911 by E. L. Brockman, C. M. G., Chief Secretary.
 - 20 CO 576/62, Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of the Federated Malay States, 1938 by H. Fraser, M. C. S., Acting Federal Secretary, Federated Malay States.
 - 21 Sultan Selangor menduduki mesyuarat di peringkat persekutuan iaitu Durbar dan Majlis Mesyuarat Persekutuan. Manakala, di peringkat negeri pula, ialah Majlis Mesyuarat Negeri Selangor, Jawatankuasa Tetap bagi Majlis Mesyuarat Negeri Selangor serta Jawatankuasa Agama dan Adat Istiadat Melayu bagi Majlis Mesyuarat Negeri Selangor. Untuk keterangan lanjut, rujuk CO 576/62, Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of the Federated Malay States for 1938 by H. Fraser, M. C. S., Acting Federal Secretary, Federated Malay States.

kekal sebagai Pengerusi Majlis Mesyuarat Negeri Selangor, dengan residen menjadi ahli mesyuarat, tetapi tidak lagi memiliki kuasa eksekutif penuh seperti dipraktik pada 1877-1895, menyebabkan desentralisasi dimulakan pada 1920, bertujuan dikembalikan kuasa sewaktu dipraktik era Negeri-Negeri Melayu Lindungan British (1874-1895) (NNMLB). Perubahan ini mencerminkan usaha British menyeimbangkan kuasa antara pentadbiran negeri dengan persekutuan, mengembalikan semula kekuasaan Sultan Selangor secara berperingkat, namun diatur dalam kerangka Majlis Mesyuarat Persekutuan dan Majlis Mesyuarat Negeri Selangor. Transformasi ini menjelaskan dinamika hubungan antara kuasa kolonial dengan raja tempatan bahawa Sultan Selangor tetap memainkan peranan penting dalam pentadbiran negeri melalui institusi pentadbiran yang disusun semula, sejalan dengan teori sistem sosial mengenai interaksi berstruktur antara institusi sosial yang saling bergantung dalam memastikan kelangsungan dengan kestabilan keseluruhan sistem pemerintahan. Namun, kesemua kehendak dan keputusan bergantung secara total oleh Gabenor NNS dan Pesuruhjaya Tinggi NNMB, dan berhak menolak walaupun pandangan atau cadangan itu daripada raja-raja Melayu.

Pada peringkat daerah, pentadbiran melalui institusi pegawai tadbir daerah diperkenalkan oleh British sejak 1874 berkuat kuasa 1 Januari 1876, diteruskan pada 1895 hingga 1942, memainkan peranan penting dalam memastikan kelancaran pentadbiran kolonial dan kesejahteraan penduduk tempatan. Struktur pentadbiran ini menggantikan sistem sebelum penjajahan dipraktik oleh orang besar daerah sejak era Sultan Salehuddin.²² Pegawai daerah, dilantik oleh British, berfungsi sebagai perantara antara kerajaan pusat dengan rakyat di peringkat daerah menerusi lima kaedah iaitu sebagai pentadbir, pembangun, penjaga hak kebajikan, anggota permesyuaratan dan wakil penduduk daerah menghadiri adat istiadat raja Selangor.²³ Pembentukan jawatan-jawatan seperti pemungut cukai tanah dan pendaftar hak milik tanah, dan Skim Pegawai Melayu bermula pada 1910, British memberi peluang

-
- 22 Tengku Dato' Dr. Jamaluddin bin Tengku Mahmud Shah al-haj, Tengku Orang Kaya Maha Bijaya Sepang, Orang Besar Daerah Sepang, 2005-kini. Sejarah Orang Besar Daerah di Selangor. Temu bual, 6 Februari 2014 dan Dato' Setia Haji Haris bin Kasim, Pegawai Daerah Sepang, 2012-2014, Sejarah Pegawai Daerah di Selangor. Temu bual, 6 Februari 2013.
- 23 Mesyuarat-mesyuarat diduduki oleh institusi pegawai tadbir daerah adalah: Lembaga kebersihan di daerah Kuala Lumpur (1890), Klang (1890), Kuala Kubu (1890-1903), Hulu Langat (1892), Rawang dan Serendah (1893-1903), Kuala Langat (1896-1903), Kuala Selangor (1896), Hulu Selangor (Kuala Kubu bergabung dengan Rawang dan Serendah pada pertengahan 1903), Jugra (1903-1919), Sepang (1903), Sabak Bernam (1915) dan Teluk Datok (1919); Lembaga Perlesenan Daerah Pantai (1909-1916), Lembaga Perlesenan Daerah Darat (1909-1916) dan Lembaga Perlesenan Eksais (Lembaga Perlesenan Daerah Pantai dan Lembaga Perlesenan Daerah Darat digabungkan pada 1916); Lembaga Pemusnahan Nyamuk di daerah Kuala Lumpur, Klang, Hulu Selangor, Kuala Selangor, Hulu Langat dan Kuala Langat pada 1921-1930; Jawatankuasa Sekatan Getah Negeri Selangor pada 1922-1924; Persidangan Penghulu Peringkat Daerah di Kuala Lumpur, Klang, Hulu Selangor, Kuala Selangor, Hulu Langat pada Kuala Langat pada 1923; Jawatankuasa Penasihat Sekatan Getah Daerah di daerah Kuala Lumpur, Klang, Hulu Selangor, Kuala Selangor dan Hulu Langat pada 1924-1928 dan Teluk Datok dan Sepang pada 1926-1928; Lembaga Perlesenan (Enakmen Pengawalan Getah) di daerah Kuala Lumpur, Klang, Hulu Selangor, Kuala Selangor, Hulu Langat, Teluk Datok dan Sepang pada 1924; Lembaga Kesihatan Pusat, Lembaga Kesihatan Pesisir Pantai dan Lembaga Kesihatan Selangor Timur pada 1927-1928; Lembaga kesihatan di daerah Kuala Lumpur, Klang, Hulu Selangor, Kuala Selangor, Hulu Langat dan Kuala Langat pada 1928-1932; dan lembaga saliran di Kapar (1910), Kuala Selangor (1910), Sungai Selangor (1914), Kapar-Jeram (1914), Sungai Buloh (1914), Sijangkang (1917), Banting (1917), Sungai Langat (1917), Kapar-Klang (1922), Sungai Buloh Selatan (1923), Sungai Buloh Utara (1923), Kanchong (1923), Kapar (1923), Klang (1925), Jeram (1926), Badong (1928), Padang Gajah (1930), Tanjung Dua Belas (1932), Rizab Melayu Tanjung Dua Belas (1936-1938), Jeram Pantai (1937), Ujong Permatang (1938), Rizab Melayu Teluk Datok (1938), Teluk Panglima Garang (1940) serta Rantau Panjang (1940). Untuk keterangan lanjut, rujuk rekod-rekod di bawah sumber Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (B/SUK) di Arkib Negara Malaysia.

kepada tokoh Melayu berpendidikan tinggi lepasan Kolej Melayu Kuala Kangsar dan Sekolah Inggeris, dan terlatih untuk menyertai struktur pentadbiran, mengimbangi dominasi orang Eropah dalam jawatan-jawatan tinggi.²⁴ Transformasi ini menunjukkan usaha British mendalamkan sistem pentadbiran kolonial melalui pembahagian tugas yang jelas, menguatkan sistem hierarki pemerintahan daerah dan memberi ruang kepada golongan Melayu berkhidmat dalam pentadbiran kerajaan. Kestabilan ini seiring dengan teori sistem sosial dan penerapan teori birokrasi oleh Max Weber menekankan bahawa pentingnya struktur organisasi yang berjenjang untuk memastikan kelancaran sistem pentadbiran berkesan.

Pada peringkat mukim, institusi penghulu ditubuhkan sejak era Sultan Salehuddin terus memainkan peranan penting dalam pentadbiran tempatan dari 1895 hingga 1942, meskipun terdapat beberapa perubahan dalam pelantikannya berikutan penguasaan British. Penghulu berfungsi sebagai ketua mukim yang mempunyai tanggungjawab pentadbiran, pembangunan, kebajikan penduduk, melibatkan diri dalam mesyuarat dan wakil penduduk tempatan menghadiri adat istiadat raja Selangor.²⁵ Pelantikan penghulu, dikuatkuasakan oleh Majlis Mesyuarat Negeri Selangor sejak 2 September 1883, turut memperkenalkan Skim Penghulu pada 1 Januari 1917, 1 Januari 1922, dan 1 Januari 1935, kemudian diatitkan dengan lebih bersistematik melalui penubuhan Jawatankuasa Tetap bagi Majlis Mesyuarat Negeri Selangor pada 1934. Jawatankuasa penghulu dibentuk pada 19 Julai 1922, bertujuan sebagai saringan untuk diputuskan dalam Majlis Mesyuarat Negeri Selangor dan Jawatankuasa Tetap bagi Majlis Mesyuarat Negeri Selangor. Pentadbiran penghulu, melibatkan peranan tokoh-tokoh tempatan terdiri daripada waris negeri dan anak negeri Selangor, memperkukuhkan sistem pentadbiran di peringkat mukim. Kerajaan memperkenalkan jawatan penghantar notis kepada penghulu bagi meringankan beban penghulu pada 1921. Struktur ini menunjukkan teori sistem sosial dan penerapan teori birokrasi menekankan bahawa pembentukan sistem pentadbiran yang jelas dan berhierarki memastikan pengurusan yang efektif di peringkat negeri. Perubahan pelantikan penghulu menggarisbawahi penyesuaian sistem pentadbiran sebelum

-
- 24 Sekolah Kediaman Melayu Kuala Kangsar (diubah kepada Kolej Melayu Kuala Kangsar pada 1910), dirasmikan pada 1 Januari 1905, bertujuan memberi pendidikan Inggeris kepada golongan raja, orang besar dan elit Melayu khususnya NNMB. Antara sekolah Inggeris pula, St. Paul's Institution Seremban, Negeri Sembilan, Anderson School Ipoh, Perak, dan Victoria Institution Kuala Lumpur, Selangor. Untuk keterangan lanjut, rujuk *Straits Times*, 27 January 1905 dan Jabatan Perkhidmatan Awam (P/PPM) 12/125, *The Malayan Civil List 1940 (Corrected Up to 31st December 1939)*.
- 25 Mesyuarat-mesyuarat diduduki oleh institusi penghulu adalah: Lembaga kebersihan di daerah Kuala Lumpur (1890-1914), Klang (1890), Kuala Kubu (1890-1903), Hulu Langat (1892), Rawang dan Serendah (1893-1903), Kuala Langat (1896-1903), Kuala Selangor (1896), Hulu Selangor (Kuala Kubu bergabung dengan Rawang dan Serendah pada pertengahan 1903), Jugra (1903-1919), Sepang (1903), Sabak Bernam (1915) dan Teluk Datok (1919); Lembaga Pemusnahan Nyamuk di daerah Hulu Selangor (1921-1931), Kuala Lumpur (1923-1931), Kuala Selangor (1923-1931) dan Kuala Langat (1923-1931); Persidangan Penghulu Peringkat Daerah di daerah Kuala Lumpur, Klang, Hulu Selangor, Kuala Selangor, Hulu Langat dan Kuala Langat pada 1923; Jawatankuasa Penasihat Sekatan Getah Daerah di daerah Kuala Lumpur, Klang, Hulu Selangor dan Kuala Selangor pada 1924-1928 dan Teluk Datok dan Sepang pada 1926-1928; Lembaga Perlesenan (Enakmen Pengawalan Getah) di daerah Klang (1924-1931), Hulu Selangor (1924-1931), Teluk Datok (1924) dan Sepang (1924); Lembaga kesihatan di daerah Kuala Langat pada 1928-1932; lembaga saluran di Sungai Langat (1924), Sijangkang (1925), Padang Gajah (1930), Kanchong (1936), Rizab Melayu Tanjung Dua Belas (1936-1938), Jeram Pantai (1937), Tanjung Dua Belas (1938), Rizab Melayu Teluk Datok (1938), Ujong Permatang (1938), Banting (1939), Teluk Panglima Garang (1940) dan Rantau Panjang (1940); Lembaga Petempatan Pertanian Melayu Kuala Lumpur (1901-1930 serta 1937-1939); dan Persidangan Penghulu Peringkat Mukim/Kampung (1933). Untuk keterangan lanjut, rujuk rekod-rekod di bawah sumber B/SUK di Arkib Negara Malaysia, Tok Haji Sarip bin Mohamad Zain, Penghulu Kanan Daerah Klang, 2010-an-kini. Sejarah Institusi Penghulu di Selangor. Temu bual, 22 Januari 2013 dan Tok Abd Wahab bin Othman, Penghulu Mukim Jalan Kebun, 2012-2018. Sejarah Institusi Penghulu di Selangor. Temu bual, 22 Januari 2013.

penjajahan dengan kolonial, berusaha mengekalkan keberkesanan pentadbiran, di samping memberi ruang bagi penyesuaian dan pengukuhan peranan penghulu dalam struktur kerajaan.

Pada peringkat kampung, institusi ketua kampung memainkan peranan penting dalam pentadbiran tempatan sejak 1766 sebagai pentadbir, pembangun, penjaga kebajikan, anggota permesyuaratan dan wakil penduduk kampung menghadiri upacara adat istiadat raja Selangor, namun hanya mendapat kuasa pentadbiran formal rentetan keputusan Majlis Mesyuarat Negeri Selangor pada 5 Disember 1916.²⁶ Sebelum itu, dari 1895 hingga 1916, ketua kampung masih berfungsi sebagai ketua di peringkat kampung, tetapi tanpa kuasa pentadbiran sebenar. Berdasarkan keputusan mesyuarat tersebut, Sultan Alae'eddin Sulaiman Shah dan ahli-ahli mesyuarat bersetuju memperkasakan jawatan ketua kampung, kini diberikan kuasa membantu dan menasihati penghulu, dan menjalankan pentadbiran di peringkat kampung.²⁷ Jawatan ini dipertanggungjawabkan kepada penghulu untuk melantik ketua kampung sesuai, dengan kebanyakan ketua kampung terdiri daripada anak dagang daripada luar Selangor. Berdasar teori sistem sosial dan penerapan teori birokrasi, sistem ini menggariskan perubahan dalam struktur pentadbiran tempatan dilaksanakan oleh British untuk memperkukuhkan lagi pengaruhnya, di samping mempertahankan elemen-elemen sebelum penjajahan yang ada dalam masyarakat Selangor, dan meningkatkan keberkesanan pentadbiran di peringkat kampung dengan memberi kuasa kepada ketua kampung dalam hal ehwal pentadbiran dan kebajikan penduduk.

Pengaruh Selangor dalam Pembangunan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu

Mesyuarat memainkan peranan penting dalam pentadbiran Selangor, dengan menjadi platform utama bagi perbincangan antara tokoh Melayu dengan pegawai British pada 1897 hingga 1942. Durbar, Majlis Mesyuarat Persekutuan, dan pelbagai jawatankuasa seperti Jawatankuasa Penasihat Pertanian dan Lembaga Penyelidikan Getah Tanah Melayu berfungsi sebagai medium merancang dan melaksanakan dasar-dasar pembangunan persekutuan dan negeri, dan mengukuhkan kedudukan Selangor dalam konteks pentadbiran kolonial. Pentadbir, sama ada raja atau orang besar, perlu melantik tokoh berkeelayakan untuk menduduki jawatan penting ini yang mempengaruhi dasar kewangan, peraturan getah dan pembangunan ekonomi di peringkat persekutuan termasuk negeri. Keberkesanan struktur pentadbiran melibatkan kolaborasi antara tokoh tempatan dengan pegawai British mencerminkan dinamik politik dan sosial dalam usaha memajukan Selangor sebagai negeri strategik dalam kerajaan NNMB.

Durbar, diadaptasi dari kerajaan Mughal (1526-1857), merupakan mesyuarat pertama di peringkat persekutuan ditubuhkan pada 1896 melalui kesepakatan antara Swettenham dengan raja-raja Melayu dari Selangor, Perak, Pahang dan Negeri Sembilan. Durbar sebagai platform penting membincangkan isu-isu utama berkaitan masyarakat Melayu dan pentadbiran NNMB, dengan mesyuarat pertamanya diadakan di Kuala Kangsar pada 14 hingga 17 Julai

26 Ketua kampung hanya menduduki Persidangan Penghulu Peringkat Mukim/Kampung yang terdapat dalam daerah Kuala Lumpur, Klang, Hulu Selangor, Kuala Selangor, Hulu Langat dan Kuala Langat pada 1933-1941. Untuk keterangan lanjut, rujuk rekod-rekod di bawah sumber B/SUK di Arkib Negara Malaysia.

27 P/ANM 1486/80/2987, Minutes of the 254th Meeting of the Selangor State Council, Held at Kuala Lumpur on the 5th December, 1916.

1897.²⁸ Teori sistem sosial memahami peranan Durbar sebagai mekanisme integrasi dalam sistem sosial, menghubungkan struktur sebelum penjajahan dengan pentadbiran kolonial British. Walaupun pelaksanaan menghadapi cabaran awal, antaranya, penundaan pada 1896 akibat isu kesihatan isteri Sultan Idris Shah, namun Durbar berkembang sebagai instrumen penting dalam menyeimbangkan keperluan politik tempatan dan kolonial. Pengenalan desentralisasi oleh Guillemard pada 1920 memperbaharui peranan Durbar, membenarkan diadakan semula pada 11 Ogos 1927 hingga 25 November 1939, menandakan komited British mengekalkan kestabilan melalui kompromi dengan sistem sebelum penjajahan. Dalam konteks ini, Durbar, dipengerusikan oleh gabenor dan pesuruhjaya tinggi dan dihadiri oleh raja-raja Melayu bertaraf sultan (1897-1939), dan raja dan pembesar utama (1897 & 1903), sebagai wadah penyelenggaraan corak laten dengan menyelesaikan konflik antara autonomi negeri dengan sentralisasi pentadbiran, menjadikannya alat penting memastikan kestabilan politik dan sosial di bawah sistem kolonial yang semakin kompleks.

Penubuhan Majlis Mesyuarat Persekutuan pada 1909 merupakan satu langkah strategik dalam menangani isu-isu kepentingan bersama antara negeri-negeri dalam NNMB dengan mengimbangi kesan sentralisasi yang semakin ketara pada awal abad ke-20. Mengikut teori sistem sosial, majlis ini bertindak sebagai mekanisme integrasi, bertujuan menyelaraskan kepentingan antara kuasa kolonial British dengan autonomi negeri khususnya raja-raja Melayu dan perwakilan raja-raja Melayu. Walau bagaimanapun, berkuat kuasa 24 April 1927, struktur majlis diperluas dan diperkemas melalui Perjanjian Majlis Mesyuarat Persekutuan, dengan raja-raja Melayu menarik diri daripada peranan aktif dan digantikan oleh wakil seperti Tengku Musa Eddin (1927-1933) dan Raja Uda (1933-1941) dari Selangor.²⁹ Langkah ini memperlihatkan fungsi penyesuaian dalam sistem pentadbiran kolonial, berusaha mengakomodasi tekanan politik tempatan, di samping mengekalkan kawalan pusat. Walaupun bertujuan mengurangkan jurai sentralisasi, namun perubahan ini tidak sepenuhnya berjaya, sebaliknya memperkukuh dominasi pentadbiran pusat dalam menetapkan dasar-dasar penting sosial dan ekonomi, sekali gus menunjukkan bahawa sistem kolonial berusaha mengekalkan kestabilan politik melalui penyesuaian struktur tanpa mengorbankan kawalan sepenuhnya.

Penubuhan Jawatankuasa Penasihat Pertanian pada 1915 merupakan inisiatif penting dalam memperkukuh sektor pertanian di NNMB, dengan menyediakan platform menghubungkan jabatan pertanian dengan komuniti penanam secara bersistematik. E. S. Hose, Pemangku Pengarah Jabatan Pertanian NNMB, 1915-1916, memainkan peranan utama dengan memperluaskan keanggotaan jawatankuasa kepada 15 pemodal dan penanam dari pelbagai negeri termasuk tokoh-tokoh Melayu seperti Raja Uda (1934-1935) dan Dato' Hamzah (1936-1938) dari Selangor, mewakili komuniti Melayu dalam perbincangan dasar dan isu pertanian.³⁰ Mengikut teori sistem sosial, jawatankuasa ini memenuhi fungsi penyesuaian

28 Malaya High Commissioner Office (P/HCO) R. G. 348/1896, Frank Swettenham, Resident General F. M. S. to His Excellency the High Commissioner of the Federated Malay States, 25th August, 1896 dan P/HCO R. G. 687/1897, The Durbar, by F. A. Swettenham, 26th July 1897.

29 CO 576/33, Shorthand Report of the Proceedings of the Federal Council. Monday, 23rd May, 1927, CO 576/47/3, Minutes of the Meetings of the Federal Council. Monday, 26th June, 1933 dan CO 576/59, Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of the Federated Malay States for 1937 by C. D. Ahearn, M. C. S., Federal Secretary, Federated Malay States.

30 Jabatan Pertanian Negara (P/TANI) 2/23, Federated Malay States. Report by the Director of Agriculture for the Year 1915 by E. S. Hose, Acting Director of Agriculture, F. M. S. dan CO 576/15, Report of the Director of Agriculture for the Year 1916 by L. Lewton-Brain, Director of Agriculture, F. M. S.

dengan mencipta saluran komunikasi antara pentadbiran kolonial dengan masyarakat tempatan untuk menangani keperluan ekonomi dan sosial, misalnya, meningkatkan keberkesanan dasar pertanian. Mesyuarat diadakan setiap suku tahun dan subjawatankuasa yang menangani isu-isu tertentu, memperlihatkan fungsi integrasi, memastikan kerjasama antara pihak kolonial, pemodal Eropah dengan komuniti tempatan untuk menyokong pembangunan sektor pertanian. Penyertaan tokoh Melayu dalam jawatankuasa ini menunjukkan usaha British mengekalkan kestabilan sosial melalui penyertaan inklusif dalam pentadbiran, sekali gus menegaskan bahawa sistem kolonial berusaha menyelaraskan keperluan ekonomi dan legitimasi politik di NNMB.³¹

Penubuhan Lembaga Pusat Penyelidikan Getah Tanah Melayu pada 1927 menandakan langkah signifikan dalam pembangunan industri getah di Tanah Melayu melalui penyelidikan bersistematik, bertujuan meningkatkan hasil dan kualiti pengeluaran komoditi tersebut. Berakar umbi daripada cadangan Dr. E. J. Butler pada awal 1920-an dan mendapat kelulusan Majlis Mesyuarat Persekutuan pada 25 November 1924, lembaga ini didaftarkan di bawah Incorporating Enactment No. 8 of 1925 dan mula beroperasi secara rasmi pada 1 November 1926.³² Berdasarkan teori sistem sosial, lembaga ini memainkan fungsi penyesuaian dengan mencipta inovasi relevan dalam penyelidikan agronomi untuk memenuhi permintaan ekonomi global terhadap getah, di samping mengukuhkan pengurusan sektor tersebut. Peranan integrasi ditonjolkan melalui keanggotaan pelbagai pihak termasuk tokoh Melayu seperti Dato' Hamzah, Wakil Pekebun Kecil bagi NNMB (1928-1940), memastikan penyertaan komuniti tempatan dalam menentukan dasar dan strategi penyelidikan.³³ Hubungan rapat lembaga ini dengan Jabatan Pertanian NNMB memperlihatkan kerjasama antara entiti kolonial dengan tempatan dalam memastikan kelangsungan industri getah sebagai tunjang ekonomi Tanah Melayu. Keberkesanan lembaga ini bukan sahaja memberi impak kepada ekonomi tempatan, tetapi menyumbang kepada kestabilan sosial dengan memastikan komuniti tempatan mendapat manfaat daripada pembangunan teknologi dan hasil penyelidikan, sebagai model integrasi antara pentadbiran kolonial dengan masyarakat tempatan.

Penubuhan Jawatankuasa Kewangan bagi Majlis Mesyuarat Persekutuan pada 1926 merupakan langkah strategik dalam memperkukuhkan struktur kewangan dan pentadbiran persekutuan, selaras dengan dasar desentralisasi dilaksanakan era tersebut. Jawatankuasa ini, pertama kali bermesyuarat pada 15 Jun 1927 dengan Penasihat Kewangan NNMB sebagai pengerusi, memainkan peranan penting dalam menyelaraskan dasar kewangan persekutuan dan memastikan kestabilan fiskal melalui perbincangan yang melibatkan tokoh-tokoh utama seperti

-
- 31 Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan (N/SUK) N. S. SEC. GENERAL. 6787/1935/4A, Minutes of Meeting of the Agricultural Advisory Committee Held at the Office of the Adviser on Agriculture on 13th November, at 10 A. M dan P/TANI 2/39, Annual Report on the Departments of Agriculture, Malaya, for the Year 1936 by O. T. Faulkner, C. M. G., B. A., Director of Agriculture, S. S., and Adviser on Agriculture, Malay States.
- 32 CO 717/13/31729, Report on the Agricultural Department, Federated Malay States, by E. J. Butler, M. S., F. L. S., Joint-Director of the Agricultural Research Institute, and Imperial Mycologist Pusa, 24th May 1921, CO 717/13/31729, L. N. Guillemard to the Right Honourable Winston Churchill, M. P., &c., &c., &c., Colonial Office, 24th May, 1921, Institut Penyelidikan Getah Malaysia (BK/PPG) 1/1, Rubber Research Institute of Malaya, Annual Report 1929 dan FCO 141/15514, Report of the Commission of Enquiry into the Constitution, Administration and Working of the Rubber Research Institute Appointed by His Excellency the High Commissioner on the 20th May, 1933.
- 33 B/SUK SEL: SEC: G. 1628/1928/11, Under Secretary to Government, Federated Malay States, to the Secretary to Resident, Selangor, 22 August, 1928.

Tengku Musa Eddin (1927-1933) dan Raja Uda (1933-1941) dari Selangor.³⁴ Berdasarkan teori sistem sosial, jawatankuasa ini memenuhi fungsi penyesuaian dengan membangunkan mekanisme kewangan yang mampu menangani keperluan ekonomi semasa, di samping menyokong pelaksanaan dasar-dasar pentadbiran. Pada masa sama, fungsi integrasi tercapai melalui penyertaan pelbagai wakil negeri dan pihak berkepentingan, memastikan bahawa pengurusan kewangan persekutuan mencerminkan kepentingan bersama antara kerajaan pusat dengan negeri. Pembentukan dan operasi jawatankuasa ini menonjolkan bahawa sistem kolonial berusaha mencapai keseimbangan antara desentralisasi politik dengan keperluan sentralisasi kewangan, menjadikannya instrumen penting dalam memastikan kelancaran pentadbiran dan kestabilan ekonomi NNMB.

Penubuhan Jawatankuasa Penasihat Umum Peraturan Getah pada Mei 1934 menandakan usaha strategik dalam mengawal selia dan menyelaraskan pengurusan industri getah di seluruh Tanah Melayu (NNMB, NNS & Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu (NNMTB), dengan memberi fokus kepada kuota penanaman, taksiran dan statistik di bawah Skim Stevenson.³⁵ Jawatankuasa ini mencerminkan kemajuan dalam penglibatan pelbagai pihak merangkumi wakil dari Johor, Kedah, dan masyarakat Melayu dan Cina, memperlihatkan desentralisasi progresif dalam pengurusan industri utama ini rentetan penstrukturan semula badan tersebut. Berdasarkan teori sistem sosial, jawatankuasa ini memenuhi fungsi penyesuaian dengan membangunkan mekanisme pengurusan fleksibel untuk menyeimbangkan keperluan ekonomi global dan tempatan, misalnya, pengurusan pembahagian kuota merangkumi ladang besar dan kecil. Fungsi integrasi dapat dilihat melalui kerjasama antara pelbagai negeri dengan komuniti, memastikan pengurusan industri getah menjadi lebih inklusif dan mencerminkan kepentingan bersama di seluruh Tanah Melayu. Ketua Pengawal Getah NNMB sebagai pengerusi, jawatankuasa ini menjadi platform penting dalam menyelesaikan isu-isu kompleks berkaitan industri getah, sekali gus memperkukuh kestabilan ekonomi dan sosial di bawah pentadbiran kolonial yang semakin menyokong desentralisasi. Antara dari Selangor, Dato' Hamzah (1936-1941).

34 CO 576/32, Federated Malay States. Annual Report for 1926 by William Peel, C. M. G., Chief Secretary to Government, Federated Malay States, Tengku Besar Pahang (C/TBP) 100/27/1, Minutes of a Meeting of the Finance Committee of the Federal Council Held in the Federal Council Chamber at Kuala Lumpur on Wednesday, the 15th June, 1927, at 9.30 A. M. in the Forenoon dan CO 576/73, Report of Proceedings of the Finance Committee at a Meeting Held in the Federal Secretariat on the 19th August, 1941.

35 Istilah Jawatankuasa Penasihat Tanah Melayu Peraturan Getah digunakan pada mesyuarat pertama, 12 Mei 1934. Namun, istilah ini diubah suai kepada Jawatankuasa Penasihat Umum Peraturan Getah pada mesyuarat kedua, 8 Jun 1934, kekal digunakan sehingga 20 Mei 1941. Skim Stevenson pula, dibentuk oleh J. Stevenson dari Persatuan Pertumbuhan Getah British diaplikasikan di Tanah Melayu berkuat kuasa 1 November 1922, bertujuan mengawal harga pasaran komoditi getah akibat perang dunia pertama. Untuk keterangan lanjut, rujuk Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah (K/SUK) 914-1353, Draft Minutes of the First Meeting of the Malayan Advisory Committee, Rubber Regulation, Held in the Council Chamber, Kuala Lumpur, on Saturday, 12th May, 1934, at 9 A. M., K/SUK 914-1353/1A, Minutes of the 2nd Meeting of the General Advisory Committee, Rubber Regulation, Held in the Office of the Controller of Rubber, Kuala Lumpur, on Friday the 8th June, 1934 at 9. 30 A. M., N/SUK N. S. SECRETARIAT 1143/1939/7A, Minutes of the 31st Meeting of the General Advisory Committee Held in the Office of the Controller of Rubber, Malaya at Kuala Lumpur on Tuesday 20th May, 1941 at 10 A. M dan *Malaya Tribune*, 22 May 1934.

Transformasi Majlis Mesyuarat Negeri Selangor

Mesyuarat terdiri daripada kumpulan kecil dengan ahli-ahli berpengaruh tidak melebihi sepuluh orang memainkan peranan penting dalam pentadbiran Selangor antara 1895 hingga 1942 terutama dalam memastikan kelancaran dan kecekapan pentadbiran negeri. Ketokohan pentadbir, baik dalam kalangan raja, orang besar atau pegawai British, berperanan sebagai faktor utama dalam pembentukan sistem pentadbiran efisien, bertujuan memajukan negeri ini. Memastikan kelangsungan dan keberkesanan pentadbiran, pelantikan individu layak menjadi keutamaan dalam mengukuhkan Majlis Mesyuarat Negeri Selangor, pada masa sama, membentuk beberapa jawatankuasa seperti jawatankuasa tetap, jawatankuasa kewangan dan jawatankuasa agama Islam dan adat istiadat Melayu, sebagai usaha menyusun dasar pembangunan lebih bersistematik dan berkesan. Keberadaan jawatankuasa-jawatankuasa ini mencerminkan keperluan membina struktur pentadbiran lebih teratur dan berorientasikan kepada pembangunan sosial, ekonomi dan budaya lebih maju di Selangor pada masa tersebut.

Majlis Mesyuarat Negeri Selangor ditubuhkan sejak 1877 memainkan peranan penting sebagai institusi utama pentadbiran di peringkat negeri sepanjang tempoh 1895-1942, mencerminkan evolusi dinamik hubungan kuasa antara Sultan Selangor, Residen British dengan struktur kolonial. Perubahan bidang kuasa majlis ini, dari sentralisasi ke desentralisasi, mencerminkan proses pentadbiran disesuaikan untuk memenuhi keperluan politik dan ekonomi kolonial, di samping mengekalkan legitimasi kuasa Melayu sebelum penjajahan British. Berdasarkan teori sistem sosial, majlis ini memenuhi fungsi penyesuaian dengan menyesuaikan pentadbiran kepada tuntutan kolonial dan masyarakat tempatan khususnya era sentralisasi (1895-1920) apabila kuasa majlis dikekang oleh kawalan residen jeneral/ketua setiausaha dan Majlis Mesyuarat Persekutuan, menghadkan autonomi negeri dalam hal peraturan, enakmen dan bil-bil. Namun, era desentralisasi (1927-1941), fungsi integrasi menjadi lebih jelas apabila sebahagian kuasa dipulihkan, dengan Sultan Alae'eddin Sulaiman Shah kekal sebagai pengerusi, manakala Raja Muda Selangor dilantik sebagai timbalan pengerusi mulai 1 Januari 1932, menunjukkan usaha menyeimbangkan kuasa antara institusi Melayu sebelum penjajahan dengan pentadbiran kolonial.³⁶ Keanggotaan majlis melibatkan kerabat raja, orang besar dan wakil kaum Cina dan India mencerminkan usaha menggalakkan penyelenggaraan corak laten, memastikan kestabilan sosial dan politik dalam menghadapi cabaran pentadbiran kolonial. Penyeragaman bidang kuasa majlis ini berkuat kuasa 1 Januari 1932 menandakan usaha British merasionalisasi pentadbiran, pada masa sama, meminimumkan konflik kuasa, memperlihatkan bahawa kolonialisme beradaptasi dengan tuntutan lokal dan mengekalkan dominasi mereka. Majlis Mesyuarat Negeri Selangor seterusnya menjadi platform penting untuk memahami interaksi kompleks antara tradisi tempatan dengan kepentingan kolonial di Tanah Melayu.

Penubuhan Jawatankuasa Tetap bagi Majlis Mesyuarat Negeri Selangor pada 1934 merupakan satu langkah signifikan dalam memperkukuhkan pentadbiran negeri melalui pelaksanaan tugas-tugas statutori seperti pengurusan tanah rizab Melayu, hutan rizab dan permohonan melombong bijih timah.³⁷ Berasaskan laporan diterima pada 16 Oktober 1933

36 Pejabat Dewan Undangan Negeri Selangor (B/DUN) 1/7, Minutes of the 334th Meeting of the Selangor State Council Held at Kuala Lumpur on Tuesday, 5th January, 1932.

37 CO 439/4, Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of Selangor for the Year 1933 by T. S. Adams, British Resident, Selangor.

dan dipimpin oleh T. S. Adams, Pemangku Residen British Selangor, 1932-1933, dan Residen British Selangor, 1933-1936, jawatankuasa ini menjadi platform penting bagi menangani isu-isu kritikal berkaitan kepentingan masyarakat dan struktur pentadbiran Selangor. Berdasarkan teori sistem sosial, jawatankuasa ini memainkan fungsi penyesuaian dengan merangka dasar responsif terhadap cabaran pentadbiran negeri, di samping memastikan kesinambungan ekonomi dan sosial. Pada masa sama, fungsi integrasi ditonjolkan melalui keanggotaan pelbagai pihak meliputi Sultan Selangor sebagai pengerusi, Raja Muda Selangor sebagai timbalan pengerusi, residen, penasihat undang-undang, setiausaha kepada residen dan wakil daripada pelbagai komuniti — masing-masing seorang wakil Cina, India dan British — dan dua wakil kerabat raja dan seorang wakil orang besar Selangor, mencerminkan usaha menyeimbangkan keperluan masyarakat tempatan dengan tuntutan pentadbiran kolonial.³⁸ Struktur inklusif ini mencerminkan fungsi penyelenggaraan corak laten dengan memastikan kestabilan sosial dan politik melalui penglibatan pelbagai lapisan masyarakat dalam proses membuat keputusan. Jawatankuasa ini bukan sahaja menjadi simbol kerjasama antara kolonial dengan sebelum penjajahan, tetapi satu model pentadbiran bersistematik, mencerminkan bahawa pentadbiran British beradaptasi dengan tuntutan tempatan demi mengekalkan legitimasi dan kestabilan politik di Selangor.

Penubuhan Jawatankuasa Kewangan bagi Majlis Mesyuarat Negeri Selangor pada 1934 merupakan satu langkah penting dalam memperkukuhkan struktur kewangan negeri, selaras dengan usaha penyeragaman semula pentadbiran Majlis Mesyuarat Negeri Selangor ekoran laporan jawatankuasa diterima pada 16 Oktober 1933. Jawatankuasa ini diwujudkan meningkatkan keberkesanan pengurusan kewangan dengan melibatkan Pegawai Perbendaharaan Negeri Selangor sebagai pengerusi, disertai oleh Setiausaha kepada Residen British Selangor, tiga wakil Melayu (dua kerabat raja dan seorang orang besar Selangor), dua wakil Cina, seorang wakil India dan tiga wakil British.³⁹ Berdasarkan teori sistem sosial, jawatankuasa ini memenuhi fungsi penyesuaian dengan menyediakan mekanisme pengurusan kewangan responsif kepada keperluan ekonomi negeri seperti pembiayaan infrastruktur, emolumen pegawai kerajaan dan pengurusan sektor pertanian. Pada masa sama, fungsi integrasi dapat dilihat melalui penyertaan pelbagai lapisan masyarakat — Melayu, Cina, India, dan British — dalam proses pengambilan keputusan, memastikan keseimbangan antara tuntutan ekonomi, keperluan sosial dengan legitimasi pentadbiran. Pembentukan jawatankuasa ini mencerminkan fungsi penyelenggaraan corak laten dengan memperkukuh sistem kewangan sebagai asas pembangunan negeri, di samping mengekalkan kestabilan sosial melalui kerjasama antara komuniti tempatan dengan pentadbiran kolonial. Langkah ini menegaskan komitmen pentadbiran British terhadap pengurusan kewangan bersistematik, sekali gus memastikan kesejahteraan rakyat Selangor dan pembangunan ekonomi negeri terus terjamin.

Penubuhan Jawatankuasa Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu bagi Majlis Mesyuarat Negeri Selangor pada 1934 mencerminkan langkah penting dalam penyeragaman

38 B/SUK SEL. SEC. G. 539/1934/1, Constitution of the Permanent Committee of the Selangor State Council, Without Date.

39 CO 1071/258, Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of Selangor for the Year 1935 by T. S. Adams, M. C. S., British Resident, Selangor, dan B/SUK SEL. SEC. F. 408/1935/13A, Minutes of the Meeting of the Finance Committee of the Selangor State Council Held in the Federal Council Chamber on Monday the 23rd September, 1935.

struktur pentadbiran negeri untuk menangani isu-isu keagamaan dan adat istiadat Melayu. Berdasarkan laporan W. D. Barron, Pemangku Residen British Selangor pada 1935, jawatankuasa ini ditubuhkan sebagai hasil daripada laporan diterima pada 16 Oktober 1933, dengan keanggotaan dipengerusikan oleh Sultan Selangor.⁴⁰ Mesyuarat pertama diadakan pada 10 Mac 1934, dan pelbagai perkara dibincangkan, antaranya, penceraian, institusi kadi, peraturan agama Islam, pembinaan masjid dan pengajaran agama Islam. Komposisi jawatankuasa ini didominasi oleh tokoh Melayu, dengan Ketua Kadi Selangor sebagai timbalan pengerusi, raja yang dilantik sebagai Timbalan Pengerusi Majlis Mesyuarat Negeri Selangor, dua kerabat raja, dua kerabat orang besar dan tiga ulamak, mencerminkan dominasi elemen sebelum penjajahan dalam pengurusan hal-hal agama dan adat istiadat masyarakat Melayu Selangor.⁴¹ Ini mencerminkan fungsi penyelenggaraan corak laten dalam teori sistem sosial bahawa agama Islam dan adat istiadat Melayu dipelihara dalam struktur pentadbiran yang semakin moden. Selain itu, komposisi keahlian jawatankuasa ini menonjolkan fungsi penyesuaian dalam sistem sosial, struktur sebelum penjajahan beradaptasi dengan perubahan dalam pentadbiran moden dikehendaki oleh kolonial. Perubahan dalam komposisi keahlian pada 17 Disember 1938, mengurangkan bilangan kerabat raja dan orang besar kepada seorang dan dua wakil, menunjukkan integrasi antara elemen-elemen sebelum penjajahan dengan moden, dan menandakan pengukuhan institusi ini dalam menangani isu-isu sosial, agama dan adat secara lebih efisien dan bersistematik. Oleh itu, jawatankuasa ini bukan sahaja memainkan peranan dalam pengurusan agama dan adat, tetapi mencerminkan usaha menstabilkan dan mengharmonikan sistem sosial melalui integrasi antara struktur kolonial dengan institusi sebelum penjajahan British.

Evolusi Institusi Pegawai Tadbir Daerah di Selangor: Impak terhadap Pembangunan

Rajah 1: Enam Buah Daerah di Selangor, 1895-1942

Selangor					
Kuala Lumpur	Klang	Hulu Selangor	Kuala Selangor	Hulu Langat	Kuala Langat

Sumber: Colonial Office (CO) 439/1 1890.

Rajah 1 memaparkan enam daerah utama di Selangor antara 1895 hingga 1942—Kuala Lumpur sebagai pusat pentadbiran, Klang sebagai tempat bersemayam Sultan Selangor pada 1903, dan Hulu Selangor, Kuala Selangor, Hulu Langat dan Kuala Langat—mencerminkan kepentingan institusi pegawai tadbir daerah dalam pentadbiran negeri. Pengaplikasian struktur pentadbiran daerah diseragamkan oleh Swettenham pada 1882 berkuat kuasa 1883, kekal digunakan hingga 1942 menunjukkan bahawa peranan strategik daerah dalam menyokong

40 CO 1071/258, Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of Selangor for the Year 1934 by W. D. Barron, Acting British Resident, Selangor.

41 B/SUK SEL. SEC. G. 1487/1933/10, By Command of His Highness the Sultan of Selangor the Following are Appointed as Members of the Religious and Customary Committee of State of Selangor, 31st January, 1934.

pembangunan negeri. Keberkesanan pentadbiran daerah bergantung kepada ketokohan pegawai tadbir terdiri daripada raja, orang besar, anak negeri dan pegawai British yang dilantik berdasarkan kelayakan untuk mengisi jawatan seperti pegawai daerah (daerah Klang, Hulu Selangor, Kuala Selangor, Hulu Langat dan Kuala Langat) dan Pemungut Hasil Tanah Kuala Lumpur dan Pendaftar Hak Tanah Selangor (daerah Kuala Lumpur). Perkembangan ini turut melibatkan pembentukan Skim Pegawai Melayu dan Skim Pegawai Tadbir Tanah Melayu, bertujuan meningkatkan kecekapan pentadbiran, memperkukuh pengurusan hasil negeri, dan mempercepat pembangunan sosioekonomi dalam tempoh tersebut.

Rajah 2: Perkembangan Jawatan Pegawai Daerah di Selangor, 1895-1942

1895-1933	1933-1937	1937-1942
<ul style="list-style-type: none"> •Klang •Hulu Selangor •Kuala Selangor •Hulu Langat •Kuala Langat 	<ul style="list-style-type: none"> •Klang •Hulu Selangor •Kuala Selangor •Kuala Langat •Kuala Lumpur dan Hulu Langat 	<ul style="list-style-type: none"> •Klang •Hulu Selangor •Kuala Selangor •Kuala Langat •Hulu Langat

Sumber: Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (B/SUK) SEL: SEC: G. 1535/1933/100 1937.


Perkembangan jawatan pegawai daerah antara 1895 hingga 1942 (Rajah 2) menekankan peranan strategik institusi pentadbiran daerah dalam menyokong pertumbuhan ekonomi dan sosiopolitik negeri di bawah sistem kerajaan NNMB. Jawatan pegawai daerah beroperasi di Klang, Kuala Selangor, Hulu Selangor, Kuala Langat dan Hulu Langat merupakan pusat pentadbiran utama yang memastikan kelancaran pengurusan negeri.⁴² Walau bagaimanapun, kemelesetan ekonomi global pada 1933 hingga 1937 mendorong penggabungan pentadbiran daerah Kuala Lumpur dan Hulu Langat, sebagai langkah rasionalisasi mengoptimumkan sumber kewangan dan tenaga kerja, mencerminkan penyesuaian dalam sistem sosial. Langkah ini mencerminkan bahawa sistem pentadbiran kolonial berusaha menyesuaikan struktur dan fungsinya mengikut perubahan ekonomi global tanpa menjejaskan kestabilan sosial dan politik di negeri ini. Selain itu, keputusan menggabungkan jawatan Pemungut Hasil Tanah Daerah Kuala Lumpur dan Pendaftar Hak Tanah Selangor, istilah jawatan Ketua Daerah Kuala Lumpur, dengan Pegawai Daerah Hulu Langat pada 12 Julai 1933 memperlihatkan proses integrasi dalam pentadbiran daerah.⁴³ Langkah rasionalisasi ini membantu meminimumkan pembaziran sumber, pada masa sama, mengekalkan kestabilan dan kecekapan pengurusan tanah dan hasil negeri. Pemisahan semula jawatan pada 4 November 1937, ekoran ekonomi Selangor pulih, menunjukkan keupayaan sistem untuk menyelenggara corak laten dalam struktur

42 Lokasi ibu Pejabat Daerah Hulu Selangor adalah di Kuala Kubu Lama sejak 1883. Kemudian, dipindahkan ke Rasa (1920) sementara menunggu ibu pejabat daerah di Kuala Kubu Bharu disiapkan sepenuhnya dan berpindah pada 1 September 1930. Lokasi ibu Pejabat Daerah Kuala Langat pula, Jugra sejak 1883. Kemudian, dipindahkan ke Teluk Datok sejak 1917 dan beroperasi sepenuhnya pada Januari 1921. Untuk keterangan lanjut, rujuk B/SUK SEL: SEC: G. 369/1931/1, District of Ulu Selangor. Annual Report for the Year, 1930 by G. H. Nash, District Officer, Ulu Selangor dan B/SUK SEL. SECT. 225/1921/13, Removal of Government Offices to Telok Datoh, 7th January, 1921.

43 B/SUK SEL: SEC: G. 202/1933/2A, Annual Report of the Sub-District of Ulu Langat for 1933 by Samah bin Haji Ali, M. C. S., Ag. District Officer, Kuala Lumpur & Ulu Langat.

pentadbiran kolonial, dengan memastikan kesinambungan fungsi utama pengurusan tanah dan kewangan negeri. Perubahan ini menonjolkan dinamika dalam sistem pentadbiran kolonial yang dapat bertindak balas dengan fleksibiliti terhadap krisis ekonomi dan mengadaptasi struktur pentadbiran untuk mengekalkan kestabilan sosial, ekonomi dan politik di Selangor sepanjang tempoh 1895 hingga 1942. Antaranya, Raja Uda sebagai Pemungut Hasil Tanah Daerah Kuala Lumpur dan Pendaftar Hak Tanah Selangor (1937-1939).⁴⁴

Rajah 3: Perkembangan Jawatan Penolong Pegawai Daerah di Selangor, 1895-1942



Sumber: CO 469/8 1897, CO 469/12 1901 dan B/SUK SEL: SEC: 849/1925/1 1924.

Perkembangan jawatan penolong pegawai daerah antara 1895 hingga 1942 menunjukkan bahawa struktur pentadbiran daerah disusun semula untuk menyokong kecekapan pentadbiran kolonial, seiring dengan keperluan ekonomi, pertumbuhan populasi dan pembangunan infrastruktur. Rajah 3 menjelaskan perubahan lokasi dan bilangan jawatan beroperasi sepanjang tempoh tersebut, bermula dengan penempatan awal di Klang, Serendah, Kuala Selangor, Kuala Langat, Sepang, Kuala Lumpur, dan Sungai Besi antara 1895-1897,

44 Ahmad Farhan bin Abdullah@Zakaria, Peranan Raja dan Orang Besar dalam Pentadbiran Selangor (1895-1942), Tesis PhD. Fal, 2023, hlm. 322.

diikuti dengan penambahan lokasi baharu seperti Hulu Langat (1897), Kuala Kubu (1901), Hulu Selangor (1907) dan Sabak Bernam (1923). Penyusunan semula ini mencerminkan penyesuaian dalam sistem pentadbiran, jawatan penolong pegawai daerah diperluas untuk menangani tuntutan ekonomi dan sosial yang berubah, dan perkembangan infrastruktur yang semakin pesat. Berdasarkan teori sistem sosial, perubahan dalam struktur jawatan ini menunjukkan bahawa pentadbiran kolonial berusaha mengintegrasikan pelbagai kawasan dengan memastikan kelancaran pengurusan daerah melalui penyesuaian struktur diperlukan. Penyusunan semula ini memastikan penyelenggaraan corak laten dalam masyarakat, struktur pentadbiran terus berfungsi mengekalkan kestabilan sosial dan ekonomi dalam menghadapi cabaran baharu. Penyesuaian lokasi dan bilangan jawatan memberi kesan baik kepada jawatan penolong pegawai daerah memainkan peranan penting dalam menyelaraskan fungsi ekonomi dan sosial di daerah-daerah yang berkembang, sekali gus mencerminkan dinamik pentadbiran kolonial yang adaptif dalam tempoh tersebut. Antaranya, Samah sebagai Penolong Pegawai Daerah Klang (1930-1931).⁴⁵

Rajah 4: Perkembangan Jawatan Penolong Pegawai Daerah Kedua di Selangor, 1895-1942

1894-1918	
•Kuala Kubu (Hulu Selangor)	
	1918-1942
	•Kuala Kubu (Hulu Selangor)
	•Klang

Sumber: B/SUK Selangor 720/1919/1 1918.


Perkembangan jawatan penolong pegawai daerah kedua antara 1895 hingga 1942 menunjukkan pengukuhan peranan pentadbiran daerah dalam menyokong kecekapan pentadbiran kolonial di NNMB. Rajah 4 menunjukkan bahawa jawatan Penolong Pegawai Daerah Kedua Kuala Kubu (1894) kekal berfungsi sepanjang tempoh tersebut, sementara penubuhan jawatan baharu di Klang pada Disember 1918 mencerminkan keperluan memperluas kapasiti pentadbiran akibat pertumbuhan ekonomi, infrastruktur dan populasi yang pesat. Penyusunan semula ini menunjukkan usaha kerajaan kolonial memperkukuh tadbir urus daerah melalui pengoptimuman struktur pentadbiran, bertujuan memastikan pengurusan tanah, kutipan hasil dan pembangunan infrastruktur dapat dilaksanakan secara lebih efisien. Mengikut teori sistem sosial, perubahan dalam struktur jawatan ini memperlihatkan penyesuaian dalam sistem sosial untuk menanggapi perubahan ekonomi dan sosial. Jawatan baharu ini memberi respons kepada keperluan sistem untuk menyesuaikan kapasiti pentadbirannya, memastikan keberkesanan pengurusan yang dapat menangani perkembangan pesat yang berlaku dalam ekonomi dan infrastruktur. Penyesuaian ini memberi kesan baik kepada sistem pentadbiran mampu mengintegrasikan pelbagai elemen ekonomi dan sosial, menghubungkan kerajaan pusat dengan masyarakat tempatan dalam satu rangka kerja yang lebih berkesan dan teratur. Penguatan peranan pentadbiran daerah, struktur ini menegaskan penyelenggaraan corak laten dalam masyarakat, kestabilan sosial dan ekonomi dipelihara melalui pengurusan yang lebih

45 Ahmad Farhan bin Abdullah@Zakaria, Peranan Raja dan Orang Besar dalam Pentadbiran Selangor (1895-1942), hlm. 326.

efisien dan responsif terhadap keperluan tempatan. Antaranya, Raja Rastam Shahrome sebagai Penolong Pegawai Daerah Kedua Kuala Kubu (1935-1936).⁴⁶

Pembentukan jawatan timbalan penolong pegawai daerah pada 1921 dan 1923 mencerminkan usaha strategik British memperkukuh penyertaan golongan bangsawan dan elit Melayu khususnya lepasan Kolej Maktab Melayu Kuala Kangsar, dalam pentadbiran kolonial di peringkat daerah. Pelantikan tokoh-tokoh Melayu seperti Dato' Abdul Hamid, Tunku Abdul Rahman, Raja Ya'acob dan Ismail bertujuan memperluas jaringan pentadbiran tempatan, dan meningkatkan keberkesanan penyampaian perkhidmatan awam dalam pengurusan tanah, hasil, dan pembangunan infrastruktur di daerah seperti Klang (1921), Hulu Selangor (1923), Hulu Langat (1923) dan Kuala Langat (1923).⁴⁷ Langkah ini bukan sahaja memperlihatkan usaha memperkasakan golongan peribumi dalam struktur pentadbiran, tetapi memaparkan dinamik integrasi antara kuasa kolonial dengan elit tempatan dalam pentadbiran NNMB, semakin mengutamakan kecekapan tadbir urus dalam menghadapi cabaran sosioekonomi sepanjang tempoh 1895-1942. Dalam konteks teori sistem sosial, perubahan ini menunjukkan fungsi penyesuaian dalam struktur sosial, pentadbiran kolonial berusaha menyesuaikan diri dengan keperluan tempatan dan memperkenalkan tokoh bangsawan dan elit Melayu dalam struktur birokrasi untuk mengekalkan kestabilan politik dan sosial. Integrasi antara pihak kolonial dengan bangsawan dan elit tempatan tercapai melalui pelantikan ini membolehkan kedua-dua pihak bekerjasama dalam menguruskan isu-isu ekonomi dan sosial dengan lebih berkesan. Penyertaan golongan bangsawan dan elit Melayu dalam pentadbiran ini memperlihatkan bahawa struktur pentadbiran kolonial berusaha menyelenggara corak laten, memastikan tradisi dan kestabilan sosial dalam masyarakat Melayu dipelihara, pada masa sama, menyesuaikan diri dengan perubahan sosial dan ekonomi yang berlaku, menjadikan struktur pentadbiran lebih inklusif dan berkesan.

Rajah 5: Perkembangan Skim Pegawai Melayu, 1910-1942




Sumber: B/SUK 1761/1910/1 30 March 1910, B/SUK 2679/1917/2 1 July 1917, CO 717/13/29312 1 Januari 1921, B/SUK SEL: SEC: 2330/1923/10 1 Januari 1924, B/SUK SEL. SEC. G. 1488/1929/1 1 August 1929, CO 273/584/3, 1st Day of July, 1930, Jabatan Perkhidmatan Awam (P/PPM) 12/117 1940 dan P/PPM 12/562/86 1947.

46 Ibid, hlm. 329.

47 B/SUK SEL. SEC. 126/1921/1, J. Hemmant to Resident, 6 Januari 1921.

Perkembangan Skim Pegawai Melayu dari 1910 hingga 1942 mencerminkan usaha sistematik British dalam meningkatkan penyertaan golongan aristokrat Melayu dalam pentadbiran NNMB (Rajah 5). Skim ini bertujuan melaksanakan desakan raja-raja Melayu diutarakan dalam Durbar pada 1903, meminta peluang lebih luas diberikan kepada anak watan memegang jawatan-jawatan kelas atasan seperti pegawai daerah, majistret, setiausaha residen, ketua jabatan dan pemungut cukai tanah. Bermula dengan *Scheme for the Employment of Malays in the Public Service* (1910), skim ini melalui beberapa pindaan penting iaitu *Scheme for Malay Officers* (1917), *Scheme for Malay Officers (Administration Branch)* (1921/1924/1929), akhirnya *Scheme for Malay Officers (Malay Administrative Service)* (1930/1938/1941). Pindaan ini membuka jalan bagi tokoh-tokoh Melayu berperanan sebagai penolong pegawai daerah, timbalan penolong pegawai daerah dan majistret. Penggabungan skim ini dengan sistem pendidikan di Kolej Melayu Kuala Kangsar sejak 1905 berjaya melahirkan pentadbir Melayu yang memainkan peranan penting dalam menyokong kecekapan birokrasi kolonial di Selangor. Berdasarkan teori sistem sosial, transformasi dalam penyertaan golongan Melayu ini menunjukkan fungsi penyesuaian dalam sistem sosial, pentadbiran kolonial berusaha menyesuaikan struktur birokrasi agar lebih inklusif dengan melibatkan golongan bangsawan dan elit tempatan. Dalam hal ini, integrasi tercapai apabila golongan bangsawan dan elit Melayu, melalui skim ini, diterima dalam struktur pentadbiran kolonial sebagai ejen untuk melaksanakan dasar dan memastikan kestabilan sosial dan politik. Penyertaan golongan ini dalam pentadbiran bukan sahaja memperkukuh hubungan antara kerajaan kolonial dengan masyarakat tempatan, tetapi memperlihatkan bahawa sistem kolonial berusaha menyelenggara corak laten dengan memelihara nilai-nilai Melayu sebelum penjajahan dalam kerangka birokrasi moden, memastikan kesinambungan dan kestabilan sosial dalam masyarakat Melayu di bawah pemerintahan British. Skim ini menjadi contoh jelas bahawa integrasi dan penyesuaian antara struktur kolonial dengan tempatan berjalan menyokong pentadbiran lebih efisien dan stabil pada awal abad ke-20.

Rajah 6: Malayan Civil Service Scheme, 1921-1942



Sumber: B/SUK SEL: SEC: G. 2265/1928/1 23 November 1928


Penggubalan *Malayan Civil Service Scheme* pada 1 Januari 1921 menandakan langkah strategik British dalam menyeragamkan perkhidmatan pentadbiran antara NNMB dengan NNS (Rajah 6). Langkah ini merupakan hasil gabungan *Federated Malay States Civil Service Scheme* dengan *Straits Settlements Civil Service Scheme*, dilaksanakan berikutan polisi desentralisasi, bertujuan memperkemas birokrasi kolonial dan mengurangkan beban emolumen, sekali gus menstabilkan ekonomi pascaperang dunia pertama. Dalam konteks ini, tokoh-tokoh Melayu mencapai gred tertinggi dalam skim sebelumnya seperti *Scheme for Malay Officers* (1917) diberikan peluang menyertai perkhidmatan ini, seterusnya layak memegang jawatan-jawatan penting seperti pegawai daerah, ketua majistret, Setiausaha

Residen British dan Pengerusi Lembaga Kebersihan Kuala Lumpur. Berdasarkan teori sistem sosial, penggubalan skim ini mencerminkan penyesuaian dalam sistem sosial, struktur birokrasi kolonial disesuaikan untuk memasukkan golongan bangsawan dan elit Melayu sebagai sebahagian daripada sistem pentadbiran lebih berstruktur. Langkah ini menunjukkan usaha mengintegrasikan golongan Melayu ke dalam hierarki pentadbiran kolonial, memperkukuh hubungan antara kuasa kolonial dengan masyarakat tempatan. Pemberian peluang kepada golongan Melayu menyandang jawatan penting, penggubalan skim ini menyumbang kepada penyelenggaraan corak laten dalam masyarakat Melayu, atas alasan mengekalkan pengaruh sebelum penjajahan dalam struktur moden birokrasi, di samping mengekalkan kestabilan sosial dan politik. Secara keseluruhannya, peralihan ini memperlihatkan bahawa sistem kolonial beradaptasi dengan perubahan dalam masyarakat tempatan, di samping mengekalkan kawalan dan dominasi melalui pembaharuan dalam struktur pentadbiran yang lebih inklusif dan efisien.

Transformasi Institusi Penghulu

Institusi penghulu dalam pentadbiran Selangor antara 1895 hingga 1942 memainkan peranan penting sebagai pemangkin pembangunan di peringkat mukim, dengan struktur hierarki teratur melibatkan jawatan ketua penghulu negeri, ketua penghulu daerah, penghulu, penolong penghulu, penolong penghulu kedua dan penolong penghulu tambahan. British dan pentadbir tempatan terdiri daripada raja-raja dan orang-orang besar mengakui bahawa keberkesanan pentadbiran di peringkat mukim adalah asas kepada pembangunan ekonomi dan sosial negeri. Justeru, pembentukan Skim Penghulu pada 1917, 1920 dan 1935 bertujuan memperkukuh peranan penghulu dengan meningkatkan kecekapan pentadbiran dan memastikan pemimpin tempatan dilantik memenuhi kelayakan ditetapkan untuk memacu pembangunan Selangor secara lebih bersistematik dan efisien dalam era kolonial.

Rajah 7: Kedudukan Ketua Penghulu Negeri dalam Institusi Penghulu, 1899-1913, dan 1919-1928




Sumber: Ahmad Farhan Abdullah@Zakaria & Mohd Samsudin 2018.

Pelantikan jawatan Ketua Penghulu Negeri Selangor era Sultan Alae'eddin Sulaiman Shah memperlihatkan usaha berterusan memperkukuh struktur institusi penghulu memastikan pentadbiran lebih bersistematik dan efisien di peringkat negeri (Rajah 7). Pelantikan Raja Laut, penyandang jawatan Raja Muda Selangor pada 8 Disember 1899, sebagai Ketua Penghulu Negeri Selangor dari 1899 hingga 1913 mencerminkan kepercayaan kepada golongan aristokrat dalam mengurus tadbir masyarakat tempatan, seiring dengan aspirasi Sultan Alae'eddin Sulaiman Shah untuk memperkasakan institusi penghulu. Walau bagaimanapun, selepas kemangkatan Raja Laut pada 9 Jun 1913, jawatan ini dimansuhkan dan hanya diwujudkan semula pada 24 Januari 1919 dengan pelantikan Dato' Abdul Razak sehingga kematiannya pada

16 Februari 1928, sekali lagi membawa kepada pemansuhan jawatan tersebut.⁴⁸ Perubahan ini mencerminkan dinamika pentadbiran kolonial berusaha menyesuaikan struktur pentadbiran dengan perubahan kepimpinan dan keperluan pentadbiran tempatan, di samping memastikan kelangsungan dan keberkesanan institusi penghulu di Selangor sepanjang tempoh kajian. Berdasarkan teori sistem sosial, perubahan ini menunjukkan bahawa struktur pentadbiran berfungsi mencapai penyesuaian dalam menghadapi perubahan dalam kepimpinan dan masyarakat. Pelantikan semula jawatan Ketua Penghulu Negeri Selangor pada 1919 rentetan pemansuhan menunjukkan usaha menjaga kestabilan dalam masyarakat tempatan dengan mengekalkan elemen-elemen sebelum penjajahan, di samping beradaptasi dengan perubahan sosial dan politik di bawah pentadbiran kolonial. Dalam hal ini, jawatan Ketua Penghulu Negeri Selangor berfungsi sebagai elemen integrasi antara struktur kolonial dengan sebelum penjajahan, memastikan bahawa kedua-dua sistem dapat berfungsi bersama-sama mengekalkan keharmonian sosial dan kestabilan politik, walaupun terdapat perubahan dalam kepimpinan dan pendekatan pentadbiran.

Rajah 8: Perkembangan Jawatan Ketua Penghulu Daerah di Selangor, 1916-1942



Sumber: B/SUK SEL: SEC: 228/1923/4 Without Date.

Rajah 8 menunjukkan Sultan Alae'eddin Sulaiman Shah memainkan peranan utama dalam memantapkan struktur pentadbiran melalui pemeraksanaan institusi penghulu, terutamanya pembentukan jawatan ketua penghulu daerah pada 1916, 1917, 1922, 1928, dan 1931. Langkah ini bermula dengan pelantikan Ketua Penghulu Daerah Kuala Langat pada 16 Mac 1916, diikuti dengan Klang (24 Januari 1917), seterusnya Kuala Lumpur, Hulu Selangor, Kuala Selangor, dan Hulu Langat (4 Disember 1922), dikuatkuasakan pada 1 Januari 1923. Perkembangan ini bertujuan meningkatkan keberkesanan pengurusan daerah di bawah pimpinan Sultan Selangor, memperkukuh struktur pentadbiran dan memastikan kelancaran pelaksanaan dasar di peringkat daerah. Walau bagaimanapun, sejak 9 Jun 1928, jawatan ketua penghulu daerah diambil alih oleh orang besar daerah, kecuali Kuala Lumpur dan Hulu Langat (akhirnya Hulu Langat turut diambil alih pada 1931).⁴⁹ Perubahan ini mencerminkan dinamika

48 B/SUK SEL: SEC: G. 234/1929/1A, Annual Report for the District of Klang for the Year 1928.

49 Dato' Yahya bin Dato' Abdul Razak merupakan kerabat orang besar Selangor menyandang jawatan sebagai Orang Besar Daerah Kuala Lumpur bergelar Orang Kaya Maha Bijaya Kuala Lumpur yang diperkenalkan berkuat kuasa 1 Februari 1948 dan To' Samsudin bin To' Mohamed Tahir merupakan kerabat orang besar Selangor yang menyandang jawatan sebagai Orang Besar Daerah Hulu Langat bergelar Orang Kaya To' Ungku Maha Bijaya Hulu Langat pada 1931 hingga 1948. Untuk keterangan lanjut, rujuk B/SUK R. C. SEL. 1302/1947/7, Government of Federation of Malaya. Report of Change Affected the Personal Emoluments of an Officer, 23 February 1948 dan B/SUK SEL: SEC: G. 353/1932/1A, Annual Report on Ulu Langat District for the Year 1931 by Samah bin Haji Ali, Ag. District Officer Ulu Langat.

dalam struktur pentadbiran daerah, dengan penyesuaian terhadap keperluan pentadbiran yang berubah. Menurut teori sistem sosial, perubahan dalam pelantikan jawatan ketua penghulu daerah menunjukkan usaha mencapai penyesuaian dalam sistem pentadbiran, struktur lama yang lebih berpusat kepada institusi penghulu sebelum penjajahan diubah suai untuk lebih menyesuaikan diri dengan keperluan pentadbiran moden yang lebih desentralisasi. Perubahan tersebut mencerminkan usaha dalam integrasi, orang besar daerah mula mengambil alih jawatan tersebut, menunjukkan penglibatan lebih banyak elemen masyarakat tempatan dalam pentadbiran, meningkatkan keseimbangan antara struktur sebelum penjajahan dengan kolonial. Dalam hal ini, penyelenggaraan corak laten dapat dilihat apabila tradisi dan peranan penghulu tempatan dipertahankan meskipun ada penyesuaian terhadap struktur pentadbiran baharu. Secara keseluruhannya, perubahan ini menandakan usaha mengekalkan kestabilan sosial dan politik melalui adaptasi berterusan terhadap keperluan pentadbiran yang lebih moden dan efisien.

Rajah 9: Perkembangan Jawatan Penghulu di Selangor, 1895-1942


Mukim-Mukim yang Terdapat di Selangor, 1895-1942					
Kuala Lumpur	Klang	Hulu Selangor	Kuala Selangor	Hulu Langat	Kuala Langat
<ul style="list-style-type: none"> •Petaling (1766) •Batu (1820-an) •Hulu Klang (1820-an) •Kuala Lumpur (1857) •Setapak (1874) •Ampang (1890) •Sungai Buloh (1926) 	<ul style="list-style-type: none"> •Klang (1883) •Bukit Raja (1884) •Damansara (1885) •Kapar (1891) •Pulau Ketam (1891) 	<ul style="list-style-type: none"> •Kuala Kubu (1766) •Rawang (1820-an) •Batang Kali (1875) •Hulu Yam (1875) •Serendah (1878) •Kerling (1883-1907 dan dibentuk kembali pada 1913) •Hulu Bernam (1886) •Kuang (1896-1899) •Kalumpang (1927) 	<ul style="list-style-type: none"> •Jeram (1820-an) •Kuala Selangor (1881) •Ujong Permatang (1883) •Pasangan (1883) •Ijok (1883) •Pancang Bedena (1883) •Bagan Nakhoda Omar (1891) •Sabak (1891) •Api-Api (1891) •Batang Berjuntai (1894) •Tanjung Karang (1894) 	<ul style="list-style-type: none"> •Kajang (1820-an) •Semenyih (1850-an) •Beranang (1850-an) •Hulu Langat (1882) •Cheras (1883) 	<ul style="list-style-type: none"> •Bandar (1820-an) •Tanjung Dua Belas (1884) •Labu (1888) •Morib (1888) •Sepang (1889) •Jugra (1892) •Teluk Panglima Garang (1893) •Kelanang (1895) •Batu Laut (1896)

Sumber: P/ANM 1486/80/2986 21st March, 1896, P/ANM 1486/80/2987 31st May, 1927 dan B/PTKL D. O. K. L. 215/46/1A 26 September 1946.

Rajah 9 menunjukkan Sultan Alae'eddin Sulaiman Shah dan Sultan Hisamudin Shah memainkan peranan penting dalam memperkukuhkan pentadbiran melalui penggunaan Majlis Mesyuarat Negeri Selangor dan Jawatankuasa Tetap bagi Majlis Mesyuarat Negeri Selangor untuk menguruskan perkembangan jawatan penghulu di seluruh mukim antara 1895 hingga

1942. Keputusan-keputusan penting mengenai penempatan penghulu baharu di daerah-daerah seperti Kuala Lumpur (mukim Sungai Buloh pada 1926), Hulu Selangor (mukim Kerling pada 1913), Kuang (1896-1899), dan Kuala Langat (mukim Batu Laut pada 1896) dilaksanakan melalui mesyuarat ini. Selain itu, penggabungan dan pemisahan beberapa mukim seperti: Kapar dan Pulau Ketam (1891-1933); Bandar dan Jugra (1892-1915 & 1925-1947); Hulu Klang dan Ampang (1892-1896 & 1933-1952); Api-Api dan Sungai Buloh (1894-1898); Klang dan Bukit Raja (1895-1912); Batu dan Kuala Lumpur (1896-1897); Jeram dan Ijok (1903-1913); Ijok dan Api-Api (1913-1946); Hulu Langat dan Cheras (1917-1932); Semenyih dan Beranang (1917-1932); Pancang Bedena dan Bagan Nakhoda Omar (1917-1921), Jugra dan Kelanang (1918-1925); Damansara dan Bukit Raja (1932-1936); Batu dan Sungai Buloh (1933-1947); Klang dan Pulau Ketam (1933-1970-an); Morid dan Kelanang (1934-1946); dan Kuala Selangor dan Ujong Permatang (1937-1955) menunjukkan usaha meningkatkan kecekapan pentadbiran tempatan. Penghulu dilantik berperanan sebagai penghubung utama antara pemerintah pusat dengan rakyat, memantapkan sistem pentadbiran tempatan yang berkesan dalam menghadapi perubahan sosial dan ekonomi pada tempoh tersebut. Berdasarkan teori sistem sosial, proses ini menggambarkan fungsi penyesuaian dalam sistem pentadbiran, struktur pentadbiran mukim disesuaikan dengan perubahan keperluan sosial dan ekonomi. Penggabungan dan pemisahan mukim ini menunjukkan bahawa sistem pentadbiran berusaha mengintegrasikan berbagai elemen masyarakat merangkumi penggabungan struktur pentadbiran sebelum penjajahan (melalui penghulu) dan sistem kolonial, untuk meningkatkan kecekapan dalam pengurusan mukim. Dalam hal ini, penghulu berperanan dalam penyelenggaraan corak laten dengan memastikan bahawa nilai-nilai dan struktur sebelum penjajahan dipertahankan, sementara pada masa sama, adaptasi dilakukan untuk memenuhi keperluan pentadbiran moden. Struktur pentadbiran dinamik ini memastikan kestabilan sosial dan politik di peringkat daerah, di samping menjaga keharmonian antara kerajaan negeri dengan masyarakat tempatan.


Rajah 10: Perkembangan Jawatan Penolong Penghulu di Selangor, 1895-1942



Sumber: B/SUK 827/1895 14th December, 1895, B/DUN 1/5 13 March, 1911, P/ANM 1486/80/2987 10th August, 1916, B/SUK SEL: SEC: 3796/1925/21st Day of September, 1925, B/SUK SEL. SEC. 3060/1927/1 31st May, 1927 dan B/SUK SEL: SEC: G. 520/1934/1 18th June, 1934.

Rajah 10 menunjukkan Sultan Alae'eddin Sulaiman Shah dan Sultan Hisamudin Shah memainkan peranan penting dalam memperkukuh struktur pentadbiran Selangor melalui pelantikan penolong penghulu di seluruh mukim antara 1895 hingga 1942. Langkah ini dimanifestasikan melalui keputusan-keputusan dalam Majlis Mesyuarat Negeri Selangor dan Jawatankuasa Tetap bagi Majlis Mesyuarat Negeri Selangor. Perkembangan jawatan penolong penghulu ini, melibatkan pelbagai mukim dalam daerah seperti Klang, Hulu Klang, Kuala Lumpur, dan penggabungan dan pemisahan daerah-daerah berdasarkan keperluan pengurusan dan pembangunan tempatan, menunjukkan usaha konsisten dalam memperkukuh pentadbiran di peringkat tempatan. Sebagai contoh, mukim Klang (1895-1911), mukim Klang dan Bukit Raja (1895-1896), mukim Petaling (1897-1913), dan beberapa mukim lain dibentuk atau digabungkan semula sepanjang tempoh ini, mencerminkan usaha menyelaraskan struktur pentadbiran dengan keperluan sosial dan ekonomi yang berkembang. Berdasarkan teori sistem sosial, langkah ini menunjukkan fungsi penyesuaian dalam struktur sosial. Pelantikan penolong penghulu dan penyusunan semula mukim dapat dilihat sebagai respons terhadap keperluan meningkatkan integrasi antara kerajaan negeri dengan masyarakat tempatan, misalnya, memastikan keberkesanan pengurusan tanah, kutipan hasil dan pembangunan sosial yang berterusan. Dalam konteks ini, penolong penghulu berperanan penting dalam penyelenggaraan corak laten memastikan bahawa nilai-nilai Melayu sebelum penjajahan, berpusatkan penghulu sebagai pemimpin tempatan, dapat terus dipertahankan dalam sistem pentadbiran yang semakin moden dan berkembang. Langkah ini menunjukkan bahawa sistem kolonial berusaha menyesuaikan pentadbiran tempatan dengan memenuhi cabaran ekonomi dan sosial, pada masa, memastikan kestabilan sosial melalui struktur yang efisien dan responsif terhadap perubahan dalam masyarakat.

Rajah 11: Perkembangan Jawatan Penolong Penghulu Kedua di Selangor, 1923-1942



Sumber: P/ANM 1486/80/2987 19th March, 1923 dan B/DUN 1/7 5th January, 1932.

Sultan Alae'eddin Sulaiman Shah dan Sultan Hisamudin Shah menunjukkan komitmen terhadap keberkesanan pentadbiran di Selangor dengan memperkenalkan dan memperkukuh jawatan penolong penghulu kedua di daerah Klang dan Kuala Lumpur antara 1923 hingga 1942 (Rajah 11). Majlis Mesyuarat Negeri Selangor dan Jawatankuasa Tetap bagi Majlis Mesyuarat Negeri Selangor memainkan peranan penting dalam memastikan pelantikan ini, mencerminkan usaha strategik meningkatkan pengurusan yang lebih efisien di peringkat tempatan terutama di daerah-daerah pesat membangun seperti Klang (1923-1932) dan Kuala Lumpur (1926-1927 & 1932-1942). Pelantikan penolong penghulu kedua di kawasan-kawasan ini menekankan peranan pengurusan tempatan dalam menangani cabaran sosial dan ekonomi serta memperkukuh hubungan antara pemerintah dengan masyarakat setempat. Berdasarkan

teori sistem sosial, langkah ini menunjukkan penyesuaian dalam sistem pentadbiran, kerajaan Selangor berusaha menyesuaikan struktur birokrasi untuk memenuhi keperluan daerah yang semakin berkembang. Penekanan terhadap pengurusan tempatan ini bertujuan mencapai integrasi yang lebih baik antara pemerintah pusat dengan masyarakat setempat, mengukuhkan kerjasama antara kedua-duanya untuk menangani isu-isu tempatan dengan lebih efisien. Penubuhan jawatan penolong penghulu kedua, sistem ini berfungsi sebagai penyelenggaraan corak laten, dengan memastikan nilai-nilai Melayu sebelum penjajahan dalam pengurusan tempatan dipertahankan, di samping beradaptasi dengan perubahan ekonomi dan sosial. Langkah ini menunjukkan bahawa struktur pentadbiran kolonial berfungsi dalam menjaga kestabilan sosial dengan memberi lebih banyak kuasa kepada pentadbiran tempatan untuk menangani perubahan dalam masyarakat dan ekonomi Selangor.

Sultan Alae'eddin Sulaiman Shah dan Sultan Hisamudin Shah menunjukkan keprihatinan yang mendalam terhadap pengukuhan struktur pentadbiran tempatan di Selangor dengan pembentukan jawatan penolong penghulu tambahan di mukim Klang pada 1934 seperti tercatat dalam minit mesyuarat Jawatankuasa Tetap bagi Majlis Mesyuarat Negeri Selangor pada 18 Jun 1934. Pelantikan ini menawarkan gaji tahunan sebanyak \$396, mencerminkan usaha memperbaiki sistem pengurusan di peringkat mukim.⁵⁰ Walaupun pelaksanaan rasmi hanya bermula pada 1936 dan jawatan ini dimansuhkan pada 1938, namun perkembangan ini mencerminkan adaptasi terhadap keperluan pengurusan lebih efisien dalam mengendalikan cabaran pentadbiran tempatan, meskipun jawatan ini tidak bertahan lama. Berdasarkan teori sistem sosial, pelantikan Penolong Penghulu Tambahan Mukim Klang mencerminkan penyesuaian dalam sistem pentadbiran untuk menanggapi tuntutan baharu terhadap pengurusan daerah lebih efisien. Langkah ini menunjukkan bahawa struktur pentadbiran berusaha menyesuaikan diri dengan perubahan sosial dan ekonomi di peringkat tempatan. Meskipun jawatan ini tidak bertahan lama, berfungsi sebagai alat integrasi antara struktur sebelum penjajahan pentadbiran tempatan yang berasaskan penghulu dengan sistem kolonial yang lebih formal. Penyelenggaraan corak laten dalam masyarakat tercermin, alasannya, jawatan tersebut mengukuhkan peranan penghulu dalam menguruskan hal ehwal tempatan, walaupun dalam konteks struktur birokrasi yang lebih moden. Proses ini menonjolkan bahawa kolonialisme beradaptasi dengan tuntutan tempatan, pada masa sama, berusaha mengekalkan kestabilan sosial dan politik melalui pengurusan yang lebih berorganisasi dan responsif.

Pengenalan Skim Penghulu di Selangor pada 1916, mendapat desakan dan sokongan daripada Sultan Alae'eddin Sulaiman Shah, mula berkuat kuasa pada 1 Januari 1917, menandakan transformasi penting dalam landskap pentadbiran tempatan. Tujuan utama skim ini adalah memperkukuh institusi penghulu sebagai alat penghubung antara kerajaan kolonial dengan masyarakat tempatan khususnya luar bandar.⁵¹ Struktur gaji berperingkat diperkenalkan meliputi Gred Istimewa, Gred I, Gred II, Gred III, dan Gred Penolong Penghulu, menunjukkan kemampuan British menginstitusikan peranan penghulu secara lebih bersistematik, di samping mengekalkan keseimbangan antara keperluan pentadbiran moden dengan sebelum penjajahan. Langkah ini diperkukuhkan lagi dengan pindaan berkuat kuasa pada 1 Januari

50 B/SUK SEL: SEC: G. 520/1934/1, 1st Meeting of Permanent Committee of Selangor State Council Held on 18 June 1934.

51 B/SUK SECRETARIAT 2712/1916/4, O. F. Stonor to the Secretary to His Highness the Sultan, Klang, 12 July 1916.

1922, mengekalkan struktur asas, tetapi menambah dimensi profesionalisme melalui pelaksanaan kelayakan akademik dan keperluan ujian peperiksaan, mula dikuatkuasakan pada 1 Januari 1935, dan mengubah kepada empat gred iaitu Gred Istimewa, Gred I, Gred II dan Gred Penolong Penghulu.⁵² Perubahan ini menunjukkan bahawa penghulu tidak lagi sekadar pemimpin komuniti era sebelum penjajahan, tetapi berfungsi sebagai pegawai kerajaan yang memenuhi kriteria pentadbiran moden, contohnya, memperoleh sijil pembelajaran sama ada daripada institusi pendidikan Melayu atau Inggeris.⁵³ Walaupun langkah ini dilihat sebagai pemodenan pentadbiran tempatan, tetapi mencerminkan taktik kolonial memperkukuh penguasaan dengan memastikan individu dilantik seiring dengan dasar-dasar pro-kerajaan kolonial. Struktur gaji lebih sistematik tidak hanya menjamin kesetiaan penghulu kepada pentadbiran kolonial, tetapi mengukuhkan legitimasi penghulu dalam kalangan masyarakat tempatan, menjadikan institusi ini pemegang amanah yang efektif dalam menyampaikan dasar-dasar British. Mengikut teori sistem sosial, skim ini mencerminkan penyesuaian dalam struktur sosial. Pentadbiran kolonial berusaha menyesuaikan sistem penghulu sebelum penjajahan kepada moden yang lebih berstruktur, berfungsi sebagai ejen dalam integrasi antara struktur kolonial dengan tempatan. Walaupun langkah ini memperkenalkan elemen pemodenan, tetapi memperlihatkan penyelenggaraan corak laten berlaku, tradisi dan nilai penghulu dipertahankan dalam konteks lebih formal dan berstruktur. Pada masa sama, langkah ini mencerminkan usaha mengubah autonomi institusi penghulu dengan memberi peranan sebagai pegawai kerajaan yang lebih berstruktur dan rasmi, menyumbang kepada subordinasi sistem sebelum penjajahan kepada kolonial yang lebih besar. Oleh itu, pengenalan Skim Penghulu ini bukan sahaja sebagai satu usaha memodenkan pentadbiran tempatan, tetapi strategi halus penjajah menginstitusikan kuasa British atas masyarakat tempatan melalui saluran penghulu yang kini diadaptasi dengan ciri-ciri pentadbiran moden.

Kesimpulan

Selangor, antara negeri mempunyai sejarah pentadbiran yang kaya menyaksikan perkembangan signifikan antara 1895-1942, dipengaruhi oleh peralihan dari sentralisasi ke desentralisasi yang diperkenalkan oleh British. Dalam konteks ini, pentadbiran kerajaan melalui lima peringkat iaitu persekutuan, negeri, daerah, mukim dan kampung, melibatkan institusi pegawai tadbir daerah dan penghulu sebagai ketua pentadbir di setiap peringkat. Perubahan ini melibatkan penstrukturan mesyuarat di peringkat persekutuan dan negeri memainkan peranan penting dalam memastikan kelancaran pentadbiran. Teori sistem sosial memberikan perspektif relevan dalam memahami bahawa setiap komponen dalam pentadbiran berinteraksi mencapai keseimbangan dan keberkesanan dalam fungsi sosial dan struktur masyarakat. Oleh itu, kajian

52 B/SUK SEL: SEC: G. 528/1934/1, Dato' Abdul Hamid bin To' Kaya, M. S. C., M. C. H., to the Secretary to Resident, Selangor, Kuala Lumpur, 12 July 1934.

53 Berdasarkan Skim Penghulu 1935, sebanyak lima ujian yang perlu diambil: (a) *Malay composition i. e. writing a clear and grammatical account of some recent local occurrence in Jawi and a simple letter in Romanise character*; (b) *Writing a simple letter in English*; (c) *General knowledge*; (d) *History of the State of Selangor*; (e) *Conversation with a view to testing general intelligence*. Untuk keterangan lanjut, rujuk B/SUK SEL: SEC: G. 528/1934/2, Penghulu Schemes, Without Date dan P/ANM 1486/80/2987, Minutes of the 282th Meeting of the State Council Held at Kuala Lumpur on January 25th 1922.

REORGANISASI KUASA: TRANSFORMASI DALAM SISTEM
PENTADBIRAN SELANGOR, 1895-1942

ini tidak hanya memberikan gambaran mendalam tentang perkembangan institusi pentadbiran di Selangor, tetapi menyumbang kepada pemahaman lebih luas mengenai peranan institusi permesyuaratan, pegawai tadbir daerah dan penghulu dalam membentuk dinamika pentadbiran, ekonomi, sosial, sosioekonomi dan politik sepanjang tempoh kajian.

RUJUKAN:

(P/ANM) MISC 8/504/1.

Ahmad Farhan bin Abdullah@Zakaria, Peranan Raja dan Orang Besar dalam Pentadbiran Selangor (1895-1942), Tesis PhD. Fal, 2023.

B/SUK R. C. SEL. 1302/1947/7.

B/SUK SECRETARIAT 2712/1916/4.

B/SUK SEL. SEC. 126/1921/1.

B/SUK SEL. SEC. F.

B/SUK SEL. SEC. G.

CO 1071/258.

CO 1073/116.

CO 273/205/15664.

CO 439/4.

CO 576/15.

CO 576/32.

CO 576/33.

CO 576/47/3.

CO 576/59.

CO 576/62.

CO 576/62.

CO 576/73.

CO 717/103/33338.

CO 717/13/31729.

CO 717/13/31729.

CO 882/10/4.

CO 882/12/8/27.

CO 882/17/.

CO 882/17/.

FCO 141/15514.

FCO 141/16662.

FCO 141/16694.

FCO 141/16700.

FCO 141/16767.

Federal Secretariat (P/SP) 2, Federated Malay States. Annual Report for 1911 by E. L. Brockman, C. M. G., Chief Secretary.

Goh Yoon Fong, British Administration in Selangor (1896-1906), Tesis Ma. Fal, January 1966, hlm. 267-268.

Jabatan Peguam Negara (P/PEG).

Jabatan Pertanian Negara (P/TANI) 2/23.

K/SUK 914-1353/1A.

Malaya High Commissioner Office (P/HCO) R. G. 348/1896.

Mohd Shazwan Mokhtar, Di Sebalik Krisis Kewangan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, 1920-1924, *Kajian Malaysia* 37(2), 2019, hlm. 99-113.

Mohd Shazwan Mokhtar, Muhammad Aslah & Mohd Samsudin, Perkembangan Sistem Perdagangan Merkantilisme Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (1909-1913), *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategy Studies* 44(2), December 2017, hlm. 5-18.

N/SUK N. S. SECRETARIAT 1143/1939/7A.

P/ANM 1486/80/2987.

P/HCO R. G. 687/1897, *The Durbar*, by F. A. Swettenham, 26th July 1897.

REORGANISASI KUASA: TRANSFORMASI DALAM SISTEM
PENTADBIRAN SELANGOR, 1895-1942

P/PEG 4/4.

Pejabat Dewan Undangan Negeri Selangor (B/DUN) 1/7.

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah (K/SUK) 914-1353.

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan (N/SUK) N. S. SEC. GENERAL. 6787/1935/4A.

Perlis British Adviser's Office (R/PBB) A. P. CONF. 17/1351.

Sejarah Malaysia (1800-1963), Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd, 2002.

Straits Times, 27 January 1905.

Surat Persendirian (SP) 86/15/1, Dato' Abdullah bin Ahmad Johor.

War Cabinet and Cabinet (CAB) 24/239.